

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid IV
1998

Bil. 16

Hari Isnin

3 Ogos

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Memperkenankan Akta-akta (Ruangan
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Ruangan

URUSAN MESYUARAT

(Ruangan

UCAPAN TAKZIAH:

- Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tuan Jinuin bin Jimin dan
 Keluarga Allahyarham Dato' Zainol Abidin bin Johari. (Ruangan

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan
RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998 (Ruangan
- Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 (Ruangan

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam, P.G.D.K., P.S.M., J.S.M. (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)

- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)

- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawī, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- ” Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)

- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk Yee Lung Fook Geoffrey (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)

“ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)

“ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

| | | |
|---------------------------|---|--|
| Setiausaha Dewan Negara | : | Abdullah bin Abdul Wahab |
| Ketua Penolong Setiausaha | : | Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat |
| Penolong Setiausaha | : | Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah |

CAWANGAN DOKUMENTASI

| | | |
|-----------------------------|---|---|
| Pegawai Penerbitan | : | Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan |
| Pelapor Perbahasan Parlimen | : | Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan |
| Pembaca Pruf | : | Abu Bakar bin Hasan |

CAWANGAN BENTARA

| | | |
|-------------------|---|--|
| Bentara Mesyuarat | : | Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh |
|-------------------|---|--|

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 3 Ogos 1998****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1997) 1998;
2. Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998;
3. Akta Pertubuhan (Pindaan) 1998;
4. Akta Planetarium Negara (Pengesahan) 1998;
5. Akta Syarikat (Pindaan) 1998;
6. Akta Pencetakan Teks Al-Quran (Pindaan) 1998;
7. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 1998;
8. Akta Kumpulan Wang Persaraan Guru-guru (Sabah) (Pembubaran) 1998;
9. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1998;
10. Akta Kerja (Pindaan) 1998;
11. Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1998;
12. Akta Undang-undang Cukai (Pindaan) 1998;
13. Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 1998; dan

14. Akta Kumpulan Wang Perusahaan getah (Penanaman Semula) (Pindaan) 1998.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT KEPADA DEWAN NEGARA

“30 Julai 1998

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998;
2. Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998;
3. Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia 1998;
4. Rang Undang-undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998;
5. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1998;
6. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998) 1998; dan
7. Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 1998.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah kepada keluarga Mendiang Tuan Jinuin bin Jimin dan Allahyarham
Dato' Zainol Abidin bin Johari

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan dukacita dan sedih saya memaklumkan iaitu kita telah kehilangan dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Mendiang Tuan Jinuin bin Jimin yang meninggal dunia pada 12 Julai 1998 dan Yang Berhormat Allahyarham Dato' Zainol Abidin bin Johari yang pulang ke Rahmatullah pada 20 Julai 1998. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada balu mendiang Puan Nasib @ Mary binti Kinti dan keluarga dan balu Allahyarham Y.Bhg. Datin Amlia binti Matt dan keluarga. Kita juga telah kehilangan dua orang bekas Senator iaitu Y.Bhg. Datuk Haji Mohd. Adib bin Omar dan Y.Bhg. Dato' Hajah Habibah binti Abdul Ghani. Bagi memperingati Mendiang dan Allahyarham-allahyarham, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bersama saya bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap dapat menghadihkan Al-Fatihah kepada roh Allahyarham.

(Ahli-ahli Dewan bertafakur selama seminit dan membaca Al-Fatihah)

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

**AKTIVITI SUKAN DI DAERAH-DAERAH -
PROGRAM TETAP**

1. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:-

- (a) program-program tetap kementerian untuk aktiviti sukan di daerah-daerah; dan
- (b) program pencegahan dadah di kalangan belia di daerah-daerah.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi;

- (a) program-program tetap dan berkala bagi aktiviti sukan di peringkat daerah adalah seperti berikut:
 - (i) Liga sukan untuk semua iaitu kejohanan sepak takraw, bola tampar dan bola jaring yang melibatkan penyertaan hingga ke peringkat mukim-mukim. Wakil setiap daerah akan menentukan johan bagi setiap negeri.
 - (ii) Kursus kepimpinan sukan dan rekreasi di peringkat negeri di mana pesertanya terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan sukan dan rekreasi peringkat daerah.
 - (iii) Pusat kecergasan komuniti di mana aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan peringkat daerah diselaraskan dan dianjurkan.
 - (iv) Lain-lain aktiviti berkala di peringkat negeri dan kebangsaan yang melibatkan penyertaan atlit dan pegawai daripada peringkat akar umbi iaitu daerah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui pertubuhan-pertubuhan belia di seluruh negara telah menjalankan

pelbagai program dan aktiviti ke arah pembangunan generasi belia seperti program-program pembangunan belia dan sahsiah remaja termasuk lain-lain kaunseling kerjaya dan keusahawanan, program-program latihan dan kepimpinan, program khidmat sosial negara dan sebagainya.

- (b) Kementerian Belia dan Sukan tidak terlibat secara langsung dengan program-program pencegahan dadah kerana ianya dilaksanakan di bawah penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dadah Kebangsaan. Walau bagaimanapun Pejabat-pejabat Belia dan Sukan daerah-daerah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dalam melaksanakan program-program pencegahan dadah di peringkat kawasan, kampung dan daerah masing-masing.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah kementerian dapat menjalankan pemantauan ke atas peranan Majlis Sukan Negeri di peringkat negeri.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Sukan Negeri di peringkat negeri itu menjalankan tugas mereka masing-masing dan mereka adalah bertanggungjawab kepada Kementerian Belia dan Sukan dan juga kerajaan negeri masing-masing. Kita tahu bahawa ada sedikit masalah dalam perjalanan tugas mereka dan Kementerian Belia dan Sukan sedang berbincang dengan negeri supaya tugas mereka dapat ditentukan dengan lebih ketara lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama dan aktiviti yang dijalankan oleh kementerian dengan Agensi Dadah Kebangsaan untuk mengatasi masalah dadah yang melanda terutamanya golongan belia ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya terangkan tadi Kementerian Belia dan Sukan tidak terlibat secara langsung dalam program-program pencegahan dadah di peringkat kebangsaan walaupun Pejabat-pejabat Belia dan Sukan

di peringkat daerah bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan yang berkaitan supaya kita bekerjasama untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan dijemput menjadi sebagai ahli di dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang ada kaitan dengan pencegahan dadah di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh menteri ataupun pegawai atasan Kementerian Dalam Negeri dan Agensi Dadah Kebangsaan.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian melaksanakan aktiviti sukan di daerah, mengambil inisiatif memperuntukan untuk Pemuda Orang Asli dan suku kaum.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi peruntukan kepada pertubuhan-pertubuhan sukan dan juga belia di semua peringkat, peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan peringkat daerah termasuk juga untuk Orang Asli. Kita tidak mengira kaum kita beri peruntukan. Walau bagaimanapun kita perlu mengetahui bahawa peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan adalah begitu terhad dan tidak dapat memuaskan semua pihak dan kita minta supaya mereka mendapat sumbangan daripada pihak-pihak swasta ataupun mana-mana pihak yang ingin mengemukakan sesuatu program untuk kita bersama-sama menjalankan aktiviti.

MENURAP TAR DI SEMUA JALAN DI KUALA LUMPUR MENJELANG SUKOM - ANGGARAN KOS

2. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan anggaran kos yang akan dibiayai oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menurap tar di semua jalan dalam kawasan Kuala Lumpur dan adakah kerja-kerja ini dapat diselesaikan sebelum Sukan Komanwel XVI bermula.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan peruntukan berjumlah RM30 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan mempertingkatkan muka jalan di Kuala Lumpur. Kerja-kerja pembaikan serta penurapan ini merupakan satu rancangan untuk tahunan dalam penyelenggaraan dan

mempertingkatkan muka jalan raya. Kerja-kerja penyelenggaraan dan penurapan pada tahun ini diberi keutamaan kepada jalan-jalan yang menuju ke venue-venue Sukan Kuala Lumpur '98. Oleh kerana Sukan Komanwel Ke-XVI akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan September tahun ini maka program-program penyelenggaraan dan pembaikan jalan raya juga dipercepat dan didahulukan dan semua kerja dijangka siap pada awal Ogos 1998.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu saya ucap tahniah kepada pasukan Pulau Pinang yang telah pun menang Liga Malaysia. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah besar dapat kita atasi tetapi masalah jalan raya di bandar-bandar kita ini berlubang dan tidak ada isyarat, kadang-kadang tidak ditutup, perkara ini telah banyak saya bawa dahulu dan baru-baru ini pun kereta saya terlanggar lubang. Jadi saya hendak memberi kesedaran kepada pengguna-pengguna kenderaan bahawa bolehkah tindakan undang-undang diambil kepada DBKL jika kereta itu melanggar lubang yang tidak dibaiki. Yang ini saya hendak bertanya, kalau boleh, jadi saya harapkan pengguna-pengguna kereta mulailah saman DBKL supaya mereka sedar.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saman itu memang boleh saman tetapi menang kalah belum tentu lagilah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dapat menyelaraskan tugas-tugas oleh agensi-agensi yang terlibat dengan kerja-kerja di Bandaraya Kuala Lumpur ini dan sejauh manakah kesan yang dapat dibuat supaya kerja-kerja ini tidak menimbulkan masalah kepada orang ramai dan dapat dipenuhi sebelum Sukan Komanwel tidak beberapa lama lagi.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memang kita telah memberhentikan pada bulan Julai yang sudah, sekarang pun ada sedikit-sedikit sahaja lagi kerja-kerja pengorekan pembetulan dan sebagainya, oleh sebab kita tidak mahu

traffic jam yang timbul di masa Sukan Komanwel, tetapi hanya satu tempat yang kita belum dapat selesaikan dan mungkin tidak diselesaikan iaitu Jalan Tun Abdul Razak tetapi jalan-jalan yang lain itu kita telah suruh berhenti dan apa-apa pembaikan termasuk Jalan Sultan Ismail semua akan selesai pada bulan ini dan begitu juga dengan semua kerja-kerja kita tidak luluskan sehinggalah habis Sukan Komanwel nanti sebab kita hendak lihat Kuala Lumpur ini trafiknya lebih senang dan lebih mudah lagi.

IMPORT/EKSPORT MALAYSIA MELALUI PELABUHAN SINGAPURA

3. **Tuan Ibrahim bin Daud** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah masih terdapat pengeksport dan pengimport tidak menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita secara khusus iaitu Pasir Gudang dan Port Klang tetapi memilih Singapura untuk mengendalikannya. Memandangkan masih lagi terdapat 40% daripada import dan eksport Malaysia diuruskan oleh Singapura, apakah galakan dan untungnya menggunakan pelabuhan-pelabuhan kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya semua pengeksport melainkan mereka yang menggunakan Tambak Johor menggunakan pelabuhan tempatan seperti Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Pasir Gudang. Apa yang berlaku ialah sebahagian besar daripada eksport dari pelabuhan tempatan di feeder, dengan izin, melalui pelabuhan tempatan ke pelabuhan Singapura sebelum diangkut ke destinasi akhir.

Ini berlaku sebab frequency of calls oleh main line operators (MLO), dengan izin, adalah lebih di Pelabuhan Singapura berbanding dengan Pelabuhan Klang. Kerajaan ingin menggalakkan lebih ramai pengeksport tempatan menggunakan perkhidmatan kapal MLO untuk menghantar kargo secara terus ke destinasi akhir.

Kos operasi di Pelabuhan Malaysia adalah terendah di rantau ini. Sekiranya lebih pengeksport bukan sahaja menggunakan pelabuhan tempatan tetapi juga memastikan kargo diangkut secara terus ke destinasi yang akhir dengan menggunakan MLO maka dengan volume yang didapati di pelabuhan tempatan, kita percaya lebih

banyak MLO ataupun kapal-kapal besar yang mengangkut barang-barangan akan datang dan singgah ke pelabuhan tempatan.

Dengan demikian, pengeksport kita akan menjimat kos serta masa dan ini akan menjadikan eksport Malaysia lebih kompetitif. Sekian.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah benarnya bahawasanya barang-barang yang dieksport menerusi Pelabuhan Singapura itu merupakan barang-barang yang sebenarnya barang-barang, dengan izin, transhipment, untuk di'reexport' semula oleh Singapura ke negara-negara ketiga, kerana pernah saya tanya soalan ini dalam Dewan yang mulia ini, tetapi belum mendapat penjelasan.

Saya hendak tahu sebanyak mana daripada barang-barang yang dieksport ke Singapura itu sebenarnya adalah strategi pemasaran pengusaha-pengusaha Singapura untuk kemudiannya meng'transhipment'kan ke luar, ke negara yang ketiga?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya menjelaskan dalam jawapan yang asal, memang benar dalam lingkungan 40% barang-barangan yang dikeluarkan dalam negara kita dieksport sebelum dihantarkan ke destinasi yang akhir memang pergi melalui Pelabuhan Singapura.

Sekarang ini kerajaan kita telah mengambil banyak langkah supaya menggalakkan semua barangan yang dieksport ke luar negara dapat dihantarkan menerusi Pelabuhan Kelang terus ke destinasi import. Kita galak supaya barang-barangan dalam corak container dapat dieksport menerusi pelabuhan utama kita tanpa di'transhipped' dengan izin melalui Pelabuhan Singapura.

Bagaimanapun daripada 40% yang saya katakan tadi, kemungkinan ada sebahagian kecil di mana barang-barangan yang dihantar menerusi Singapura - Singapura adalah destinasi yang terakhir, macam sayur-sayuran, macam kayu-kayan ataupun barang-barangan yang terlibat dalam pembinaan di mana ianya sampai ke Singapura dan pasaran yang terakhir adalah Singapura. Tetapi sebahagian besar dari barang-barangan yang bercorak container yang dihantar menerusi Singapura memang

benar Singapura bukan destinasi yang terakhir dan selepas sampai ke Singapura, maka semua barang-barangan ini akan dihantar ke destinasi yang lain.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar tentang dakwaan bahawa syarikat-syarikat pengimport/peng-eksport, lebih suka mengguna Pelabuhan Singapura kerana kastam di Johor Bahru tidak dapat menjalankan pemeriksaan yang sempurna ke atas barang-barang disebabkan keadaan yang sentiasa sibuk di Tambak Johor dan ini membolehkan penyelewengan menyeludup atau melari cukai mudah dilakukan dan menguntungkan pengimport-pengimport dan pengeksport-pengeksport yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya memang tidak begitu benar, walaupun terdapat juga sedikit sebanyak perkara yang dikatakan oleh Yang Berhormat pernah berlaku, masih berlaku, tetapi pada keseluruhannya kastam kita yang berada di Tambak Johor sekarang ini memang mempunyai prestasi yang baik, yang tinggi. Namun demikian, kerajaan juga sedang memastikan supaya tugas-tugas mereka betul-betul dijalankan dengan penuh bertanggungjawab. Memanglah saya mengakui ada segelintir lagi perkara-perkara seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat masih berlaku.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam usaha kita meningkatkan kemudahan pengangkutan pelabuhan di negara kita, apakah kita mendapat reaksi dari pihak negara jiran dan apakah reaksi ataupun tindakan-tindakan, kalau boleh dianggap sebagai tindakan sabotaj, yang telah dilakukan oleh negara jiran yang menyebabkan kita dapat mencapai hasrat kita untuk memajukan pelabuhan-pelabuhan yang disebutkan tadi.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidak harus menjadi satu masalah atau isu di antara kedua-dua negara. Sebenarnya sudah 30 hingga 35 tahun pengeksport-pengeksport kita sejak dahulu sebelum pelabuhan utama

kita dipertingkatkan hingga mencapai satu tahap kecanggihan yang berada sekarang, telah pun menghantar dan mengeksport barang-barangan baik pun dalam container mahupun lain-lain jenis, menerusi Pelabuhan Singapura dan kemungkinan ini telah menjadi suatu budaya atau “mindset” sehingga apabila mereka ingin mengeksport barang-barangan keluar dari negara Malaysia melalui kapal-kapal, mereka hanya ingatkan Pelabuhan Singapura. Ini adalah sebab sudah lama dalam fikiran mereka bahawa Pelabuhan Singapura ialah satu-satu pelabuhan yang mereka dapat mengeksport barang-barangan dan hingga hari ini banyak lagi pengeksport-pengeksport kita masih tidak mengetahui betapa canggihnya pelabuhan kita.

Oleh yang demikian, kerajaan telah mula menjalankan banyak kempen dan langkah-langkah yang tepat, di mana kita dapat menggalak dan promosi supaya mereka menggunakan pelabuhan utama kita.

Bagi pihak Singapura pula, oleh kerana dalam masa yang begitu panjang melebihi 30 tahun, mereka telah memberi perkhidmatan kepada pengeksport kita, maka dengan tidak secara langsung pihak Singapura ingat segala eksport yang dikeluarkan dari negara kita harus dieksport menerusi pelabuhan mereka. Ini adalah satu anggapan yang tidak betul, yang membangkitkan begitu banyak masalah seperti Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kata dalam dua, tiga hari yang lepas segala kargo yang pergi melalui Pelabuhan Singapura telah dianggap sebagai kargo Singapura walhal barang-barangan ini adalah pengeluaran dari Malaysia, maksud kata, what is theirs is theirs, what is ours is also considered theirs, ini adalah masalah.

Tetapi walau bagaimanapun, saya percaya kita tidak payah membuat langkah-langkah apa-apa kecuali kita lebih menumpu segala langkah untuk mempromosikan pelabuhan kita sahaja, tak payah kita dok bergaduh dengan orang lainlah. Sekian, terima kasih.

GETAH - PENGLUASAN TANAMAN DAN PENINGKATAN HASIL

4. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kayu getah sangat dikehendaki oleh pembuat-pembuat perabot tempatan dan luar negeri, sama ada kawasan tanaman pokok getah akan diperluaskan untuk menghasilkan kayu getah dan sama ada RISDA memainkan peranan ini di dalam Rancangan Tanaman Semula Getah untuk menghasilkan susu getah dan juga kayu getah.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Kassim, saya suka menyatakan di mana di Semenanjung Malaysia kerajaan tidak lagi membuka tanah baru bagi tujuan penanaman getah.

Walau bagaimanapun, bagi tanah milik persendirian, kerajaan tiada halangan jika pemilik-pemilik persendirian ingin berbuat demikian. Namun begitu, kerajaan menggalakkan penanaman pokok getah sebagai ladang hutan. Di Sabah dan Sarawak pula kerajaan masih merancang untuk menambahkan keluasan tanaman getah tetapi walaupun tanah ada tetapi perusahaan getah adalah sangat labour intensive (buruh intensif) dan sebab ini masalah buruh adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai peranan RISDA untuk menghasilkan susu dan balak getah menerusi rancangan tanaman semula pula, RISDA mempunyai matlamat tertentu keluasan tanaman semula tahunan di mana tidak semuanya akan ditanam semula dari getah kepada getah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya bergantung kepada kedudukan peruntukan kewangan. Sejak tahun 1996, RISDA telah menggunakan klon-klon latex balak atau latex timber clones dalam aktiviti tanaman semula. Sehingga tahun 1997 seluas 30,993 hektar kawasan pekebun kecil telah ditanam dengan klon-klon ini. Selain dari itu RISDA juga telah mencuba menanam getah khususnya untuk balak getah secara usahasama dengan pihak swasta di beberapa kawasan yang melibatkan keluasan 279 hektar.

Kementerian Perusahaan Utama sedang berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk merizabkan atau memberikan tanah ditanam dengan pokok-pokok getah sebagai hutan getah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri sama ada bekalan balak-balak getah yang ada di seluruh negara ini mencukupi untuk perusahaan perabot tempatan yang banyak terdapat di negara kita dan mengapakah agensi seperti RISDA tidak mahu melibatkan diri dalam bidang-bidang yang ada kaitan dengan perusahaan perabot dan sebagainya yang boleh memberi manfaat terus kepada pekebun-pekebun kecil ini?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang bekalan getah atau kayu getah kepada perusahaan perabot adalah mencukupi, tetapi jika perusahaan perabot dan pengeksportan perabot ditambah lagi barangkali pada masa akan datang, kita boleh sampai ke satu tahap yang mana bekalan kayu getah kepada perusahaan perabot tidak mencukupi.

Dengan itulah kita kena jaga di mana setiap tahun jumlah keluasan tanah untuk ditanam semula dengan getah dijamin, jika tidak kita kena cari tanah yang ada untuk ditanamkan getah sebagai 'hutan getah' dan dengan itulah barangkali bekalan boleh dianggap sebagai mencukupi pada masa akan datang.

Saya pun telah banyak kali meminta RISDA yang mana bukan dalam kementerian saya, seperti Ahli Yang Berhormat semua tahu, untuk masuk di dalam aktiviti aliran kepada perusahaan getah dan perabot atau kayu getah sehingga jadikan perabot adalah satu usaha yang patut RISDA boleh ambil perhatian dan dengan itulah barangkali boleh menambahkan harga atau nilai kepada pokok-pokok yang dipunyai oleh pekebun kecil bila sampai masa tebang dalam masa menanam semula pokok-pokok mereka.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan apa khabar?
[Ketawa] Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan RISDA. **Tuan Yang di-Pertua:** Tidak datang tadi ya?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan RISDA, Yang Berhormat Dato' Menteri saya mengetahui adalah salah seorang Menteri yang sangat kuat kerja siang malam berkhidmat untuk Gerakan dan untuk Barisan Nasional, akan tetapi saya menerima aduan terhadap RISDA yang mengatakan bahawa pemohon-pemohon yang minta elaun menanam semula pokok getah itu sangat lambat untuk meluluskannya.

Bolehkah Dato' Menteri mengambil berat tentang hal ini agar pemohon-pemohon yang memohon elaun itu akan dapat diluluskan dengan secepat mungkin terutama dalam keadaan ekonomi yang merosot pada masa ini.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Ahli Yang Berhormat tidak tanya khabar saya, ini tidak adillah, walaupun dia puji saya banyak. *[Ketawa]* Terima kasih.

Bantuan tanaman semula yang diberi oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil atau ladang-ladang getah yang mahu menanam semula apabila pokok mereka sudah tua, lebih dari 25 tahun, pada masa ini adalah tidak mencukupi. Peruntukan datang dari subsidi yang diberikan melalui Kementerian Kewangan dan dalam masalah kegawatan ekonomi ini memanglah subsidi ini telah dikurangkan dan biasanya untuk mengadakan program yang mencukupi untuk menanam semula dalam jumlah hektar getah yang kita ada ialah 1.6 juta hektar, kita sepatutnya setiap tahun mesti sekurang-kurangnya menanam semula 45,000 sehingga 60,000 hektar, tetapi masa sekarang mengikut kemampuan RISDA, RISDA hanya boleh memberikan bantuan kepada tuan punya tanah di dalam lingkungan 25,000 hektar sahaja.

Dengan itu, keadaan ini tidak boleh dilangsungkan lagi dan kementerian saya dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang mengkaji satu cara macam

mana kita mengatasi masalah menanam semula dengan tidak bergantung kepada subsidi yang diberikan oleh kerajaan dan haraplah melalui harga pokok-pokok yang boleh dijual dan apa yang tidak mencukupi, harap mereka boleh dapat meminjam sebagai satu softloan dari kerajaan kepada bank-bank dan dengan itu barangkali sesiapa yang memohon untuk menanam semula boleh mendapatkan jawapan dengan cepat dan tidak payah menunggu lagi seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, menunggu lama-lama dan bertahun-tahun. Dengan itu saya harap kita boleh mendapatkan satu keadaan yang lebih baik.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya apakah pihak kerajaan mengkaji sekiranya produktiviti negara di bidang penanaman pekebun kecil ataupun tanaman pokok getah itu yang akan memberi keuntungan ataupun manfaat yang tinggi kepada rakyat. Apakah pihak kerajaan berusaha ke arah peningkatan dan prestasi ini?

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, mengikut saiz kebun yang dimiliki oleh pekebun kecil bagaimana mereka meningkatkan produktiviti mereka kerana hanya beberapa pokok sahaja dalam 3 atau 5 ekar dan pendapatan atau gaji sebagai penoreh getah di ladang mereka adalah terhad dan tidak boleh menandingi gaji yang boleh diperolehi jika mereka bekerja di kilang. Jika kita melanjutkan perusahaan getah kita harus meningkatkan produktiviti pekebun kecil ataupun produktiviti pekerja-pekerja di ladang getah.

Saya harap kita mempunyai satu skim atau sistem penorehan getah yang patut diubah di mana satu keluarga pekebun kecil bukan hanya menjaga 3 atau 5 ekar, sepatutnya mereka menjaga sekurang-kurangnya 15 hingga 20 ekar tiap-tiap keluarga barulah mereka mendapati latex atau getah yang mencukupi untuk mendapatkan pendapatan yang boleh dibandingkan dengan pendapatan atau gaji yang diperolehi oleh pekerja-pekerja kilang. Sistem ini adalah dipanggil sebagai Skim Torehan Berfrekuensi Rendah adalah Low Intensity Tapping Scheme dengan menggunakan

hanya menoreh satu pokok, satu kali dalam 6 hari, one in six days dan dengan itu menggunakan stimulant melalui rim flow dan reactor rim di mana satu keluarga pekebun getah boleh menjaga lebih pokok dan dengan itu mereka boleh mendapatkan hasil susu getah yang berlebihan dan mendapat gaji yang lebih lumayan jika dibandingkan gaji pekerja di kilang-kilang.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan di mana kita telah dimaklumkan bahawa pihak kerajaan berhasrat untuk keluar daripada INRO. Adakah sikap ini berterusan dan apakah sikap negara-negara lain seperti Thailand dan Indonesia terhadap jemputan Malaysia supaya bersama-sama keluar daripada INRO.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, INRO adalah Organisasi Getah Asli Antarabangsa dan INRO ditubuhkan melalui perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan walaupun INRO dijalankan sejak 19 tahun kebelakangan, INRO telah berjaya menstabilkan harga tetapi harga ini adalah di paras yang rendah dan bukan di paras yang tinggi. Dengan itu INRO walaupun boleh menstabilkan harga getah tetapi tidak memberi manfaat kepada negara-negara pengeluar malah hanya menolong negara-negara pengguna untuk menstabilkan harga di paras yang rendah. Dengan itu dalam masa setahun ini di mana tiga buah negara pengeluar terbesar iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia menghadapi kegawatan ekonomi yang mana mata wang mereka telah menurun lebih daripada 60% hingga 80%.

Dalam mesyuarat INRO pada bulan April, negara pengeluar meminta INRO mengubah sikap untuk menukarkan harga getah untuk pengurus penimbal stok menembusi pasaran - negara-negara pengguna langsung tidak mahu berbincang dan memberi kerjasama, dengan izin, the last floor - dalam bahasa Melayu saya tidak tahulah. *[Ketawa]* Dengan itu kita sebagai negara pengeluar telah berbincang sama ada melanjutkan kedudukan kita di dalam INRO. Yang Berhormat Menteri Pertanian negara Thailand telah menjemput saya dan Yang Berhormat Menteri berkenaan dari Indonesia untuk membincangkan kedudukan ketiga-tiga negara pengeluar tersebut di

dalam INRO. Pada minggu lalu saya telah memberikan notis kepada mereka di mana kalau mereka ingin keluar dari INRO kita boleh sama-sama keluar dari INRO. Kalau mereka tidak mahu keluar kita pun keluar juga [*Ketawa*]. So, no choice dan perkara ini kita telah beritahu dan saya fikir negara Thailand tidak tahulah mahu keluar atau tidak - belum buat keputusan lagi. Negara Thailand memerlukan masa dan diharap dalam mesyuarat Pengeluar Getah Asli Antarabangsa (ANRPC) kita akan bermesyuarat dalam tiga minggu lagi dan saya berharap berjaya menarik mereka sama-sama keluar tetapi kedudukan Malaysia ialah sama ada mereka keluar atau tidak, Malaysia akan keluar dahulu. [*Ketawa*] Diharap mereka boleh mengikuti jejak kita sebab dalam bahasa Inggeris, dengan izin, INRO has outlived its usefulness, so no point to be in INRO anymore.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan soalan tambahan banyakk sedikit kerana Yang Berhormat Menteri datang sendirilah untuk menjawab.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Terima kasih, Sawadikap [*bercakap dalam bahasa Thailand*][*Ketawa*]. Baru balik dari negara Thailand.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab dia berkawan baik dengan negara Thailand.

FOMEMA - PENYELEWENGAN PEMERIKSAAN

5. **Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Fomema (Foreign Workers Medical Examination Monitoring Agency) bagi menentukan pekerja-pekerja asing yang berdaftar dengannya menjalani pemeriksaan perubatan secara menyeluruh dan terperinci dan dalam masa yang singkat memandangkan kerajaan baru-baru ini telah membuat keputusan untuk membaharui permit kerja pekerja asing supaya unsur-unsur penyelewengan tidak timbul.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali

dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Yee Lung Fook Geoffrey pada 6 Ogos kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Projek penswastaaan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing yang telah diswastakan kepada Fomema Sdn. Bhd. telah beroperasi mulai 1 Disember 1997 sehingga bulan Julai 1998 sebanyak 286,220 pekerja asing telah pun diperiksa. Daripada bilangan ini 10,543 telah disahkan tidak sihat. Urusan pengawasan dan penyeliaan pemeriksaan perubatan pekerja asing yang dilaksanakan oleh Fomema melibatkan satu mekanisme di mana setiap pekerja asing yang berdaftar dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan penuh - full medical examination, dengan izin, di mana-mana klinik yang telah berdaftar dengan Fomema termasuk dalam pemeriksaan ini adalah pemeriksaan fizikal, x-ray, air kencing dan pemeriksaan darah untuk penyakit-penyakit berjangkit seperti HIV, Hepatitis B, Penyakit Kelamin (Sexual Transmitted Disease) dan Malaria. Setakat ini di antara penyakit-penyakit yang dikesan ialah HIV/AIDS - 64, Tibi - 620, Kusta - 4, Penyakit Kelamin (Sexual Transmitted) - 1,465, Hepatitis - 4,794 di samping itu beberapa pekerja telah disahkan mengidap kanser - 4, Epilepsi - 7, Penyakit Mental - 7 manakala 328 pekerja wanita didapati mengandung dan 86 ujian kencing pekerja didapati positif mengandungi dadah.

Untuk memastikan penyelewengan tidak berlaku setiap pekerja asing klinik swasta dan makmal diberi nombor kod yang khas untuk memastikan tidak ada kelewatan. Majikan adalah diminta memohon borang lanjutan permit kerja di pejabat Imigresen selepas 10 hari daripada tarikh pemeriksaan. Fomema akan menjalankan

pemeriksaan secara rawak ke atas pekerja asing untuk mengesahkan pemeriksaan yang berkualiti tidak diabaikan.

Oleh kerana terdapat aduan bahawa masih ada kelewatan, pihak Fomema telah mengadakan satu perbincangan dengan pemilik makmal-makmal utama yang telah berdaftar dengannya supaya segala urusan dapat dijalankan dengan licin dan lancar.

Dr. Yeow Seng Huat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ramai doktor swasta yang menjalankan pemeriksaan bagi pihak Fomema mengadu bahawa mereka belum terima bayaran daripada Fomema. Sama ada kementerian akan menyiasat kes-kes ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, siasatan ada dijalankan dan kita ada berbincang dengan syarikat Fomema berkenaan perkara ini.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jumlah pekerja yang diperiksa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen 286,000 orang ini sahajakah yang telah diperiksa atau ramai lagi yang tidak diperiksa dan bagaimana dengan orang-orang yang cuba lari dari pemeriksaan ini?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Fomema periksa siapa yang pergi daftar untuk melanjutkan pas, bukan dipanggil semua orang untuk diperiksa, tidak ada.*[Ketawa]*

**PERKHIDMATAN POS MALAYSIA DI SABAH –
LANGKH MENGATASI MASALAH**

6. **Datuk Khoo Keok Hai** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan perkhidmatan Pos Malaysia dalam urusan pengendalian surat-surat adalah kurang efektif di negeri Sabah, iaitu surat yang dikirimkan dari Kuala Lumpur biasanya mengambil masa selama 7-10 hari baru sampai ke Pantai Timur Sabah dan begitu juga surat yang dikirim dari Kota Kinabalu ke Sandakan pun mengambil masa 3-4 hari baru sampai, adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mengetahui perkara ini. Jika ia, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini supaya surat-surat yang dikirim dapat disampaikan dengan lebih cepat dan selamat.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]:

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai kelewatan penyerahan surat oleh Pos Malaysia Berhad telah saya jawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menegaskan bahawa kelewatan yang berlaku dalam penyerahan surat dalam beberapa hal bukanlah kerana ketidakcekapan Pos Malaysia Berhad.

Faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan surat pada amnya adalah di luar dari kawalan Pos Malaysia Berhad. Antara contoh kelewatan-kelewatan seperti yang telah pernah saya terangkan iaitu kerana faktor pengangkutan khususnya di negeri Sabah dan negeri Sarawak. Di Sabah dan Sarawak surat diangkut dengan kapal terbang yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Sekiranya berlaku kelewatan penyerahan surat ia adalah selalunya disebabkan oleh beberapa perkara iaitu kerosakan pesawat khususnya kapal terbang yang kecil seperti Cessna Caravan yang digunakan bagi pengangkutan dalam negeri Sabah dan Sarawak, dan juga keadaan cuaca yang tidak mengizinkan penerangan. Walaupun demikian Pos Malaysia Berhad sentiasa berusaha untuk mendapatkan pengangkutan lain sebagai alternatif sekiranya berlaku kerosakan pesawat berkenaan supaya surat-surat yang dikirimkan dari Semenanjung ke Sabah dan sebaliknya dapat disegerakan agar tidak mengalami kelewatan yang ketara.

**DANA PEMBANGUNAN PRASARANA (DPP) – PROJEK
YANG DIBIYAI**

7. **Tuan Tan Ek Huat** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) projek-projek yang akan dibiayai oleh Dana Pembangunan Prasarana (DPP); dan
- (b) apakah kriteria-kriteria atau panduan-panduan tertentu yang digunakan untuk menentukan projek-projek yang akan dibiayai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sebagaimana yang diumumkan pada 1 Julai 1998 Dana Pembangunan Prasarana sebanyak RM5 bilion akan digunakan untuk memulihkan beberapa projek infrastruktur yang tertangguh di sektor pengangkutan, pelabuhan, bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa pepejal dan juga jalan raya.
- (b) projek-projek infrastruktur yang terlibat ialah merupakan projek-projek penswastaaan yang besar di antara kriteria-kriteria pemilihan penting yang digunakan ialah seperti berikut:
 - (i) projek-projek tersebut adalah kritikal untuk pembangunan negara dan penting untuk perkhidmatan awam, dengan izin, public services;
 - (ii) projek tidak mungkin berjaya menerusi penswastaaan kerana elemen perkhidmatan awam yang melibatkan had ke atas dengan izin, tariff charges yang perlu dikawal selia serta jika perlu diberikan subsidi oleh kerajaan; dan
 - (iii) projek-projek penswastaaan yang terlibat adalah dalam keadaan dengan izin, default yang membenarkan kerajaan mengambil alih projek-projek tersebut.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sejak Dana Pembangunan Prasarana diumumkan, berapa banyakkah Dana ini telah pun digunakan, dan berapa projek yang telah dikenal pasti mengikut keutamaan yang akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun menubuhkan pasukan sebuah syarikat, di bawah Akta Syarikat 1965, sebagai bertujuan menyelaraskan pengurusan Dana Pembangunan Prasarana ini. Syarikat berkenaan bernama Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) sedang dalam proses penubuhannya. Jadi fungsi utama SPNB kelak pertamanya memperolehi Dana Pembangunan Prasarana menerusi penerbitan bon di pasaran modal tempatan ataupun luar negara.

Keduanya menguruskan pelaksanaan Dana Pembangunan Prasarana. Jadi untuk tahun 1998, SPNB akan menerbitkan secara berperingkat-peringkat bon-bon yang keseluruhannya bernilai RM5 bilion. Terbitan bon pertama bernilai 1 bilion akan dilaksanakan pada hujung bulan Ogos 1998. Pembiayaan oleh Dana Pembangunan Prasarana kepada projek-projek yang dikenal pasti adalah mengikut kedudukan permasalahan projek-projek tersebut. Jadi Yang Berhormat kita akan mengeluarkan bon dulu dan RM1 bilion akan dilaksanakan pada bulan Ogos ini.

PERHUBUNGAN AWAM KERAJAAN – PERANAN KEMENTERIAN

8. Puan Hajah Selemiah binti Hashim minta Menteri Penerangan menyatakan memandangkan dari perspektif perhubungan awam, kementerian adalah merupakan saluran untuk kerajaan menyampaikan dasar-dasarnya kepada masyarakat umum dalam suasana kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang:

- (a) sejauh manakah kementerianya telah menjalankan peranannya sebagai saluran perhubungan awam kerajaan; dan
- (b) apakah program-program jangka pendek dan jangka panjang yang telah disusun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kementerian Penerangan melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya, sememangnya menjalankan peranannya menyampaikan dasar-dasar kerajaan dengan menggunakan pendekatan perhubungan awam melalui media elektronik, media cetak dan media komunikasi bersemuka. Antara tindakan yang diambil ialah untuk;

- (i) untuk menjelaskan bahawa kegawatan ekonomi yang melanda negara adalah berpunca akibat tekanan dari pihak luar terhadap ekonomi negara-negara Asia di mana kita turut merasa akan kesannya;
 - (ii) menyalurkan berita-berita positif mengenai pemulihan ekonomi dan menggalakkan keyakinan para pelabur untuk terus di Malaysia. Di antara bahan-bahan promosi ialah kempen-kempen berbelanja dengan bijak, elak pembaziran, beli barangan Malaysia dan menggalakkan penabungan sentiasa disiarkan dari masa ke semasa;
 - (iii) membina, mengukuh, meningkat dan mengekalkan perpaduan di kalangan masyarakat dan keyakinan terhadap kerajaan;
 - (iv) membina ketahanan nasional di dalam jiwa dan pemikiran rakyat; dan
 - (v) mengajak rakyat terus menyokong dan bersama dalam segala usaha kerajaan menangani masalah kegawatan ekonomi. Semua usaha-usaha ini adalah dilaksanakan secara berterusan.
- (b) program-program jangka pendek yang disiarkan berbentuk trailer, advance, majalah talkshow yang bertemakan ekonomi semasa, manakala program jangka panjang adalah berbentuk menerbitkan rancangan dokumentari, drama dan rancangan-rancangan khas hasil penemuan dan nasihat MTEN.

Kementerian ini berbangga kerana suasana keharmonian yang terus wujud di dalam negara kita masa kini walaupun negara dilanda kegawatan ekonomi adalah sebahagiannya dari usaha-usaha Kementerian Penerangan yang berterusan tanpa mengenal jemu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, akhir-akhir ini kita banyak mendapati pihak Kementerian Penerangan terlalu ghairah dengan rancangan-rancangan hiburan kepada orang ramai dan akhirnya memberi kesan negatif kepada remaja-remaja. Apakah pihak kementerian sedar bahawa kesan menangani isu-isu yang negatif yang dibawa oleh akhbar-akhbar luar

termasuk pihak-pihak tempatan terhadap ekonomi negara ini memerlukan keutamaan ataupun peranan yang lebih daripada pihak Kementerian Penerangan untuk memberi penjelasan kepada pihak luar dan juga rakyat di negara ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat menyatakan bahawa Kementerian Penerangan menekankan tentang melaksanakan sebahagian besar program menerusi hiburan. Kita rasa bahawa kementerian ini adalah perlu bukan hanya memberi satu pendekatan yang agak serius bahkan juga kita perlu memenuhi selera setengah daripada masyarakat di negara ini. Maka dengan itu kementerian tidak semua yang kita siarkan menerusi radio mahupun TV ialah berbentuk hiburan.

Ada sebahagian daripada program yang kita laksanakan berbentuk pelajaran seperti juga program-program Global dan Minda, yang mana ada hubungkait langsung dengan perkara-perkara bersabit dengan kegawatan ekonomi. Kadang-kadang kita memanggil tokoh-tokoh tertentu untuk membincangkan tentang perkara-perkara berhubungkait dengan masalah ekonomi, di samping itu juga kementerian menerusi rangkaianannya iaitu RTM bekerjasama dengan badan-badan luar seperti CNN di mana kita memberi maklumat, laporan setiap hari dan juga setiap bulan kepada badan itu untuk memberi laporan yang baik tentang perkembangan negara kita.

Kadang-kadang ada pihak-pihak CNN juga kita dapati bahawa mereka membuat laporan yang tidak baik, negatif tentang keadaan di negara kita. Namun kalau kita dapati keadaan itu berlaku pihak kementerian mengambil tindakan susulan untuk membetulkan keadaan itu tidak akan berlaku semula. Kerjasama yang rapat ini perlu kita pertingkatkan semata-mata supaya dunia luar juga dapat mengetahui tentang pergolakan dan perkembangan usaha kerajaan yang sedang kita usahakan pada hari ini.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Penerangan. Dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi sekarang dan menghadapi serangan media daripada Singapura, apakah masalah ini dianggap sebagai hanya kewajipan daripada pihak media cetak sahaja untuk

memberikan jawapan tetapi tidak merupakan tanggungjawab daripada Kementerian Penerangan?.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita menitikberatkan tentang apa yang Yang Berhormat nyatakan itu maka dengan itu baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Penerangan menekankan betapa seriusnya keadaan-keadaan berlaku khususnya mengenai dengan negara jiran kita ataupun seperti Singapura, dan juga negara-negara yang lain. Kita tekankan betapa penting keadaan yang diberi gambaran yang betul bukan hanya menerusi media cetak bahkan media elektronik juga kita salurkan kata-kata dan nasihat, pandangan daripada tokoh-tokoh pimpinan negara kita semata-mata itu sebahagian daripada cara untuk kita menyampaikan cita rasa dan pandangan pimpinan negara kita.

PERTAHANAN NEGARA - MENINGKATKAN MUTU

9. **Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan mutu pertahanan negara supaya seimbang dengan keperluan pertahanan negara masa kini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sememangnya peka dan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Langkah-langkah diambil disusun rapi dan berteraskan kepada rancangan jangka panjang dan jangka pendek kementerian. Rancangan-rancangan ini disusun sejajar dengan usaha untuk membentuk ATM sebagai sebuah angkatan yang seimbang dan credible.

Langkah-langkah yang diambil bersifat berterusan melibatkan tiga elemen penting, iaitu anggota tentera, kelengkapan, persenjataan; dan infrastruktur.

Usaha-usaha beberapa latihan anggota tentera melengkapkan pasukan darat, laut dan udara dengan senjata moden dan canggih serta menyediakan infrastruktur secukupnya. Kementerian Pertahanan berpendirian bahawa usaha-usaha ini akan

membangunkan sebuah angkatan tentera credible dan upaya mempertahankan kepentingan dan kedaulatan negara sebilang masa.

Perlu ditegaskan bahawa fungsi menjaga keselamatan negara bukan terletak hanya kepada ATM bahkan juga kepada setiap warganegara Malaysia. Pembabitan setiap warganegara adalah penting kerana ia bukan sahaja memantapkan keselamatan negara tetapi meningkatkan ketahanan nasional, dengan izin 'national resilient'.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Baru-baru ini saya ada melihat melalui TV bagaimana kerajaan Thailand dapat menyakinkan rakyatnya terhadap kemampuan askar dan tenteranya dan saya mendapati negara kita tidak memberi perhatian serius terhadap pembinaan semangat patriotisme dalaman anggota-anggota tentera itu sendiri dari segi disiplin khususnya kalau kita perhatikan amat berbeza daripada askar-askar ataupun tentera daripada negara-negara jiran. Dalam konteks ini sejauh manakah kementerian dapat menjamin pertahanan kita mampu berbanding dengan apa yang ada di negara-negara jiran sekarang ini seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan sebagainya.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Terima kasih Yang Berhormat, atas keprihatinan itu, ATM. berpendapat bahawasanya anggota tentera kita tidak kurang semangat patriotismenya dalam mempertahankan negara berbanding dengan negara-negara jiran lain. Malah kita pun sedang, telah dan akan terus melengkapkan kita punya senjata-senjata, alat-alat pertahanan serta mempertingkatkan lagi mutu latihan serta berbagai bentuk program untuk menanamkan semangat patriotisme kepada warga angkatan tentera kita.

Kita yakin dan kita percaya kita tidak kurang daripada mana-mana angkatan tentera yang berada di sekitar negara kita dan kita yakin dengan apa yang ada dengan kita, kita mampu dan boleh mempertahankan kemerdekaan, keselamatan dan kedaulatan kita.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu keselamatan negara sekarang ini juga bergantung kepada semangat

patriotisme rakyat tetapi dunia hari ini kita tahu keselamatan sesebuah negara bergantung kepada peralatan yang canggih. Betapa kuat manusia sekarang ini pun kalau tinggi semangat patriotisme, tetapi perkembangan teknologi canggih seperti peralatan senjata yang jarak jauh seperti peluru berpandu dan sebagainya, saya hendak tanya Kementerian Pertahanan sejauh manakah mutu pertahanan negara kita. Sebab dalam soal kelengkapan iaitu angkatan tentera bersenjata adakah kapal terbang F15 sudah pun refurbish dan sentiasa dalam keadaan bersiap sedia dan sejauh manakah mutu pertahanan negara kita kalau dibanding secara specific dengan negara-negara jiran, termasuk Singapura. Saya bertanya ini, Tuan Yang di-Pertua bukan hendak berperang dengan Singapura, saya bertanya dari segi orang kata sediakan payung sebelum hujan. Sebab sekarang ini macam-macam boleh berlaku, kita pernah lihat Kuwait, dulu Iraq menyerang Kuwait. Kita pernah lihat bagaimana Iran berperang dengan Iraq dan pernah berlaku di mana negara-negara jiran mengambil tindakan yang tidak senonoh ataupun tindakan-tindakan di luar dugaan kita. Maka sebab itu, apakah Kementerian Pertahanan sekarang ini bolehkah memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa kita betul-betul dalam keadaan bersiap sedia.

Tadi Yang Berhormat jawab dalam segi bersiap sedia, semua okey, tetapi kapal terbang kita, jet kita, helikopter kita, kadang-kadang tiap-tiap bulan jatuh. Waktu training ada saja sebiji-sebiji jatuh, cerita dahulu. Namun sekarang ini saya hendak tanya supaya memberi jawapan yang dapat menyakinkan bahawa pertahanan negara kita dalam keadaan yang betul-betul bersiap sedia. Sekian. Terima kasih.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan : Terima kasih Yang Berhormat, saya ingin mengulangkan lagi sekali kata-kata saya tadi bahawasanya Angkatan Tentera Malaysia dalam keadaan bersiap sedia dan mampu mempertahankan negara kita. Kita mempunyai kapal terbang-kapal terbang yang antara tercanggih dalam dunia, yang melibatkan tiga pengeluar terbesar dan terbaik di dalam dunia. Iaitu daripada Russia kita ada MIG 29, daripada Amerika Syarikat kita ada FA 18D, daripada Britain kita ada Hawk. Dan kita ada juga membeli kapal-kapal perang,

kapal-kapal tentera laut yang mempunyai peluru berpandu yang boleh ditembak secara jauh, serta juga lain-lain senjata support untuk membantu daripada darat sekiranya kita diserang oleh mana-mana pihak. Yang pentingnya ialah kita pastikan bahawasanya keseimbangan ketiga-tiga perkhidmatan ini memang perlu untuk memastikan kita boleh mempertahankan negara kita, dan jika kita jahat akhirnya kita memerlukan satu tentera yang kuat, yang cukup, yang begitu bersiap sedia dari segi bukan sahaja dari alat-alat yang canggih, tetapi juga dari segi anggota tentera darat yang akhirnya menentukan kejayaan mana-mana negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita tak yakin, tak percaya ataupun tak lihat bahawasanya kita akan berperang walaupun kita ada masalah dengan negara-negar tertentu dalam banyak aspek. Walau bagaimanapun ATM saya telah pun di beri jaminan, beberapa kali diadakan taklimat bahawasanya kita boleh meyakinkan diri kita yang pertahanan negara di tahap yang sempurna dan mampu mempertahankan negara kita daripada mana-mana serangan, tak kira daripada mana.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah pun selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 10 hingga 54 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 1998

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Kimia Malaysia (IKM) telah ditubuhkan bertujuan antara lain untuk mengadakan peraturan mengenai pengamalan anggota-

anggota profesion kimia di Malaysia, dan juga memajukan kepentingan-kepentingan profesion kimia di Malaysia. Akta Kimia 1975 Akta 158 yang mentadbir IKM telah diwartakan pada 22 Mei, 1975, dan adalah di bawah tanggungjawab Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan institut ini terdiri daripada 3 gred, iaitu fellowship, associateship dan licentiateship, dan terbuka kepada seseorang yang memenuhi syarat Majlis Institut ini, iaitu perlu mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman praktikal dalam bidang kimia. Kini keanggotaan institut ini adalah seramai 1,778 orang, termasuk 23 orang warganegara asing.

Tuan Yang di-Pertua, semasa mengkaji keistimewaan dan larangan bagi warganegara asing, yang memegang taraf penduduk tetap Malaysia, Kerajaan telah memutuskan bahawa semua akta yang mentadbirkan badan-badan profesional menetapkan jawatan-jawatan dalam badan-badan tersebut hendaklah dipegang oleh warganegara Malaysia sahaja. Sehubungan dengan itu pindaan bagi menghadkan bagi bukan warganegara daripada memegang jawatan mana-mana badan profesional perlu dibuat kepada Akta Kimia 1975 atau Akta 158.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seksyen-seksyen dalam Akta Ahli Kimia 1975, yang berkaitan ialah seksyen 9(1), 11E dan 11G. Seksyen 9(1) adalah berkaitan penubuhan Majlis di mana ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua Pengarah Kimia dan 13 Ahli-ahli Institut Kimia. Penubuhan Institut Kimia ini juga telah diperuntukkan dalam Akta Kimia mengikut seksyen 3 Akta tersebut.

Seksyen 11E pula menyebut tentang penubuhan cawangan-cawangan institut ini dan, seksyen 11G adalah berkaitan dengan perantikan Jawatankuasa-jawatankuasa Institut Kimia untuk tujuan-tujuan tertentu.

Pindaan yang dicadangkan melibatkan penambahan satu seksyen baru, iaitu seksyen 11A. Bagi mematuhi arahan kerajaan supaya tiada seseorang pun boleh menjadi anggota Majlis atau mana-mana jawatankuasa bagi institut atau sesuatu

jawatankuasa bagi mana-mana cawangan institut melainkan jika ia seorang warganegara .

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga perlu dibuat kepada perkataan “Institiut”, dalam teks Bahasa Kebangsaan Akta 158 tersebut di mana ejaan tersebut tidak wujud dalam Bahasa Malaysia. Ejaan perkataan “Institiut” perlu dipinda kepada “institut”, iaitu ejaan yang betul bagi perkataan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.45 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang telah pun memberi peluang kepada saya untuk bangun dan turut membahaskan Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan juga tahniah kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang telah pun dapat membentangkan dan membuat kajian kepada akta yang telah pun diwujudkan di negara kita iaitu Akta Ahli Kimia 1975, Akta 158.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana selepas negara kita merdeka, kita telah pun mengambil perhatian kepada pendidikan sehingga rakyat di negara kita yang merupakan sebuah negara yang telah dijajah pada masa yang lampau telah pun dapat melahirkan cendekiawan-cendekiawan, dan mereka yang berpendidikan ini telah dapat membantu memacu negara mencapai kemajuan.

Saya masih ingat lagi pada tahun 1960-an ke tahun 1970-an pengajian mengenai sains dan teknologi telah pun diwujudkan dalam negara kita. Pada masa lalu memang kita melihatkan bahawa bumiputera terutamanya, begitu kurang di dalam

melibatkan diri dalam kajian dan juga pendidikan yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Hari ini kita bersyukur kerana kajian dan juga pendidikan dalam bidang sains dan teknologi ini telah pun diberi perhatian yang begitu hebat oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang mengambil bahagian ataupun bagi pelajar-pelajar yang mengambil pendidikan di dalam sains dan teknologi pada masa lalu tidaklah dapat meneruskan kehidupan mereka dengan begitu baik sekali, kerana peluang-peluang bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran misalnya dan menggunakan pengetahuan sains dan teknologi ini tidaklah sebegitu memberangsangkan.

Kita berharap dengan ada pendekatan baru sekarang ini, kita berharap kepada kerajaan supaya usaha-usaha untuk memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pendidikan dalam bidang sains dan teknologi ini untuk membuat kajian misalnya, dan juga untuk mengimplementasikan pendidikan yang telah mereka perolehi untuk turut sama membangunkan negara ini dapat dilakukan oleh pihak kementerian, kerajaan dan juga pihak swasta supaya pembangunan negara walaupun sedikit masa ini agak terganggu, tetapi kita berharap apabila ekonomi dapat dipulihkan mereka ini dapat menyumbang dengan menggunakan pengalaman dan pengetahuan yang ada untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mengimbas kembali semasa mula-mula pelajaran sains dan teknologi ini diperkenalkan, saya kira ramai di antara pelajar pada masa itu telah pun dipindahkan daripada belajar sastera apabila Tingkatan Enam diminta mengambil sains kemudian dimasukkan ke universiti, ramai di antara mereka ini bukan sahaja belajar di universiti tempatan tetapi dihantar ke universiti-universiti luar negara dan ada di antara mereka ini yang tidak dapat meneruskan pelajaran mereka dan terpaksa berpatah balik mengambil balik pengajian-pengajian yang lain.

Mengimbas kembali pelajaran sains, Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 1969 semasa saya belajar dulu. Saya sendiri pun sebenarnya berminat dalam bidang sastera, tetapi dipaksa pada waktu itu untuk mengambil pelajaran sains,

buku-buku rujukan, buku-buku pelajaran semuanya banyak dalam Bahasa Inggeris. Dan kalau kita masih ingat, dan mungkin kalau ada rakan-rakan dan juga yang hadir dalam Dewan ini pada waktu itu masih ingat guru-guru yang mengajar sains ini daripada guru-guru dari Indonesia, menggunakan terma-terma yang bercampur aduk di antara bahasa Melayu dan Indonesia.

Tuan Yang di Pertua, saya menyebutkan perkara ini kali kedua di Dewan yang mulia ini kerana saya ingin memohon kepada pihak kerajaan terutamanya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, supaya kementerian ini dapat melihat dan dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam bidang sains dan teknologi ini. Selain daripada mereka yang mempunyai kepakaran seperti kedoktoran mereka mempunyai bidang yang dapat dipraktikkan, tetapi dalam bidang-bidang yang lain apabila mereka bekerja, saya kira ramai di antara rakan-rakan dan kawan-kawan saya yang lepas apabila bekerja mereka tidak dapat mengimplementasikan apa yang dipelajari, tidak lagi masuk ke makmal, tidak lagi dapat meneruskan usaha-usaha untuk kita mengeluarkan bahan-bahan pengeluaran di peringkat negara.

Ini berlaku pada masa yang lalu, kita berharap pada masa sekarang yang disebutkan Akta ini ialah Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1978. Kita berharap pihak Kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya dan mereka yang belajar di dalam bidang sains dan teknologi ini haruslah diberi perhatian supaya ganjaran yang mereka terima biarlah berpatutan dan berpadanan dengan usaha-usaha yang mereka lakukan semasa mereka belajar pada tempoh hari. Walaupun kita dapati bahawa di negara kita, kita melibatkan diri di dalam soal ini lebih awal daripada kemampuan negara melibatkan diri dalam bidang industri sebagaimana yang ada sekarang ini, tetapi saya percaya masih lagi banyak perkara ataupun kemudahan-kemudahan, pengiktirafan-pengiktirafan yang perlu kita berikan kepada mereka yang telah pun berusaha menimba ilmu dan yang pentingnya biarlah ilmu ini dapat dimanfaatkan untuk mereka memberikan sumbangan kepada negara.

Tuan Yang di Pertua, kegiatan sebagai ahli kimia sudah tentu akan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada negara kerana seorang ahli kimia mereka bolehlah menjana pengeluaran-pengeluaran untuk negara, misalnya kita boleh mengeluarkan barang kegunaan harian, sabun, marjerin, dan sebagainya, menggunakan pengetahuan-pengetahuan yang mereka ada. Walaupun perkara ini agak baru bagi negara kita, tetapi saya percaya dengan adanya ahli-ahli kimia yang ramai dalam negara kita, usaha-usaha kita untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang tempatan bukan sahaja daripada barang yang sudah sedia siap tetapi kita boleh mencipta barang-barang yang baru untuk kita keluarkan sebagai bahan perniagaan yang dapat dikemukakan dan juga kita usahakan untuk meningkatkan pendapatan negara.

Tuan Yang di Pertua, kita juga memerlukan ahli-ahli kimia yang berkebolehan, berkemampuan untuk membantu kerajaan di dalam kita menjana kehidupan yang lebih baik bagi rakyat di negara kita. Misalnya, pada masa yang lampau mungkin keadaan alam sekitar tidak segawat pada masa sekarang ini. Pada masa yang lampau, kita tidak banyak kereta, kita tidak ada pollution, mungkin tidak ada pollution yang banyak di udara sebagaimana keadaan sekarang ini. Pada masa yang lampau kita tidak banyak faktor yang memungkinkan kita tidak banyak mempunyai pollution di dalam air, sungai, dan juga pencemaran-pencemaran lain yang berlaku di dalam negara kita. Lagi maju negara kita dalam bidang industri, kita juga memerlukan ahli-ahli fikir, ahli-ahli kimia, untuk mereka dapat men"naturalise"kan, ataupun dapat menyeimbangkan keadaan alam sekitar kita.

Pada masa sekarang ini, Tuan Yang di Pertua, kita dapati bahawa pengurusan sisa-sisa makanan yang ada di negara kita tidak dapat diuruskan dengan sebaik-baik mungkin. Banyak kita dapati rungutan daripada berbagai pihak. Kawasan-kawasan yang berbau busuk, di mana makanan-makanan, sisa-sisa makanan tidak diuruskan dengan baik begitu penyimpanannya dan pembuangan. Walaupun pada pandangan mata kasar kita melihat bahawa sisa-sisa makanan ini dibuang di satu tempat yang tertentu tanpa kita memikirkan bahawa reaksi ataupun reaction sisa-sisa makanan ini

dapat mencemarkan keadaan tanah dan di situ ia akan dapat merosakkan kehidupan yang ada di dalam tanah-tanah di samping merosakkan tanah dan secara tidak kita sedari juga pembuangan sisa-sisa makanan yang tidak terurus dengan baik ini, sampah-sarap yang tidak diuruskan dengan baik ini akan dapat mengalirkan proses-proses kimia, yang mengeluarkan sisa-sisa yang berupa asid dan sebagainya mengalir di dalam air yang kadang-kadang boleh mencemari air yang digunakan oleh penduduk di sekitar.

Tuan Yang di Pertua, semakin lama semakin ramai rakyat di negara kita dan semakin maju negara kita dalam bidang-bidang industri makin banyak sampah-sarap tidak sebagaimana pada masa yang lalu, sampah-sarap kalau di kampung boleh dibakar di hujung-hujung kampung, tetapi kawasan perkampungan sekarang ini telah banyak diperbandarkan dan bandar kita menjadi makin besar, penduduk di bandar makin ramai dan soal ini bukan lagi menjadi soal yang remeh di dalam pentadbiran dalam negara kita. Begitu juga, dengan longkang-longkang. Kita dapati bahawa longkang di negara kita ini di setengah-tengah tempatnya agak amat memalukan dan menjijikkan. Saya tak tahulah dari segi teknologi membersihkan longkang ini. Tetapi saya percaya jika kita merujuk kepada ahli kimia segala kekotoran, bau yang busuk sebenarnya dapat kita atasi dengan menggunakan reaksi-reaksi kimia, menggunakan bahan-bahan tertentu supaya proses pemasaman, bakteria tidak dapat bertindak, bergiat cergas untuk menimbulkan bau yang busuk, dan tidak dapat menimbulkan suasana yang tidak disenangi, supaya pengurusan soal-soal kebersihan ini sama ada pembuangan sampah, longkang dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Banyak

tempat di negara kita ini yang mana kita sekarang menggalakkan mereka daripada luar negara, kita hendak memajukan pelancongan di Malaysia, tetapi di setengah-tengah tempat, gerai-gerai makanan berada di tepi longkang yang begitu tidak menyenangkan baunya.

Saya berpendapat bahawa usaha-usaha ke arah kita meningkatkan usaha-usaha untuk kita mewujudkan keadaan kehidupan yang lebih selesa dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini, pengetahuan-pengetahuan dan pengeluaran produk yang tidak memberikan side effect, dengan izin, atau memberikan satu kesan sampingan kepada rakyat harus kita fikirkan dan ini memerlukan pengetahuan dan juga memerlukan mereka yang dapat menjana bahan-bahan pengeluaran yang baru untuk kita dapat mempertingkatkan lagi keselesaan, suasana dan juga mutu hidup rakyat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercakap soal bahan buangan sisa kimia di kilang-kilang, daripada kilang-kilang ataupun daripada industri-industri. Kita rasa amat dukacita kerana dalam masa kita menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengambil bahagian di dalam meningkatkan pengeluaran ataupun produk negara, sesetengah pengusaha tempatan, tidak mempunyai pengalaman, pengetahuan ataupun tidak mengambil berat berkenaan dengan sisa-sisa kimia ini. Ada pengusaha-pengusaha tempatan yang cuma dengan sewenang-wenangnya bahan-bahan sisa kimia daripada industri ini dibuang ke sungai ataupun dibuang begitu mudah di kawasan pinggir hutan dan sebagainya tanpa mereka mengira kesan kepada alam sekitar.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa usaha-usaha kita untuk memperketatkan dan juga kita mempertingkatkan Akta Ahli Kimia 1975 ini adalah merupakan satu langkah yang baik dan kita berharap supaya dengan adanya usaha-usaha ke arah itu kita akan dapat melahirkan lebih ramai lagi Ahli-ahli Kimia yang dapat digunakan oleh pihak kerajaan untuk membantu kerajaan dalam usaha kita untuk mengawal keadaan dan juga menentukan supaya alam sekitar dan juga pengeluaran barang-barang baru dapat dikeluarkan dan juga pembangunan ini tidak akan menjejaskan kehidupan manusia dengan meninggalkan hasil sampingan (side effects)

kepada manusia, binatang dan juga kepada hidupan-hidupan yang ada dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku di kawasan saya sendiri di mana sisa buangan daripada bahan kimia ini yang mana kawasan perindustrian berada bersebelahan dengan kawasan sawah padi. Sawah padi dimiliki oleh pengusaha-pengusaha sawah perseorangan secara kecil-kecilan – 10 ekar, 3 ekar, 2 ekar. Industri yang menjalankan usaha-usaha untuk mengeluarkan produk-produk daripada industri mereka, telah melepaskan air sisa buangan yang mengandungi bahan kimia ini begitu sahaja ke sungai-sungai yang mana daripada sungai berkenaan air-air yang mengandungi bahan kimia ini telah pun menyerap masuk ke kawasan sawah padi dan hampir 300 ekar sawah padi telah pun menghasilkan padi yang tidak menguntungkan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Apabila pihak pengusaha-pengusaha sawah ini ingin mengambil tindakan kerana mereka merasa amat kecewa dengan apa yang berlaku tetapi mereka tidak dapat membuat dakwaan kerana proses ini berjalan dalam masa yang begitu panjang dan tindakan bahan kimia ini tidak akan dapat dilihat dengan sekelip mata begitu sahaja, ia mengambil masa yang lama. Jadi, dalam soal ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa usaha-usaha kita dalam membangunkan negara perlulah disertai dengan kumpulan-kumpulan dan juga di samping mereka yang mempunyai pengetahuan dan juga yang mempunyai sikap tanggungjawab kepada rakyat dalam negara kita.

Demikian juga pernah berlaku sisa keluaran daripada kilang alkohol di Beseri – yang mana sisa yang dianggapkan tidak merbahaya ini telah pun membunuh ikan-ikan di sepanjang sungai berhampiran apabila berlaku banjir dan ikan-ikan ini walaupun tidak ada siapa yang punya tetapi kita tahu penduduk luar bandar, mereka mendapatkan bahan keperluan makanan harian daripada kawasan sekitar. Sama ada ikan daripada sungai, mereka makan sayur-sayuran, kangkung daripada sungai dan

sebagainya. Ini meninggalkan kesan yang tidak baik bukan sahaja kepada penggunaanya malahan kepada kehidupan yang ada di sekitar kawasan yang berkenaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hujah-hujah yang saya sebutkan tadi, saya memberikan sokongan 100% kepada usaha kementerian untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975 dan saya juga berharap supaya kementerian memberikan perhatian kepada mereka yang terlibat di dalam sains dan teknologi ini supaya peluang bagi mereka sama ada dalam bidang pekerjaan, dalam meneruskan usaha-usaha penyelidikan (R&D) di negara kita yang memang kita tahu amat kurang dapat dipertingkatkan. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong apa yang disebutkan tadi di dalam pindaan ejaan Instituit.

Yang keduanya mengenai pindaan ejaan - itu saya kira adalah perkara teknikal. Perkara Fasal 3 menyebut bahawa:-

“dicadangkan itu melarang seseorang yang bukan warganegara Malaysia menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, Institut Kimia Malaysia atau anggota sesuatu jawatankuasa mana-mana cawangan Institut itu.”

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita telah mula menekankan kepada pelajaran ataupun pendidikan dalam sains dan teknologi. Kalau tidak silap saya – 1969 adalah merupakan tahun pertama di mana kita menekankan pelajaran sains tulen di sekolah-sekolah menengah. Jadi sudah pastilah daripada tarikh tersebut kita juga mempunyai cukup kepakaran, cukup tenaga yang boleh membantu kita untuk menguruskan institut-institut yang telah pun ditubuhkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya juga turut menyokong akta untuk meminda Akta Ahli Kimia 1975. Terima kasih.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah.

4.06 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menyumbang di dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang mengutarakan kepada kita hari ini satu pindaan yang amat tepat pada masanya dan saya menyokong sepenuhnya teks rang undang-undang tersebut.

Pelbagai aspek yang dapat kita bincang tentang kimia dan kekimiaan. Pada hari ini, saya cuma ingin untuk menyentuh satu aspek sahaja iaitu Institut Ahli Kimia ini sebagai satu badan, sebagai satu institut profesional yang pada matlamatnya ialah untuk menjaga kepentingan Ahli-ahli Kimia yang wujud di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kecenderungan biasanya kepada institut-institut ataupun pertubuhan-pertubuhan profesional adalah lebih banyak kepada melihat kepentingan dalaman badan-badan tersebut sama ada institut kejuruteraan, institut jurutera, persatuan perubatan dan profesion-profesional yang lain. Pada hari ini saya suka mencadangkan dan menyeru supaya badan-badan profesional seperti ini lebih banyak melihat keluar dan membantu kerajaan dalam membina satu masyarakat yang maju, masyarakat yang bermatlamat untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020 kita. Kita yakin pada hari ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Puan Mastika tadi bahawa pendidikan di negara kita sudah mencapai tahap yang dapat dibanggakan, sudah dapat melahirkan pelbagai bidang kemahiran, bidang profesion dan kerana itu kita mengharap sangat supaya ahli-ahli atau pertubuhan-pertubuhan profesional seperti ini memberi sumbangan yang membangun kepada masyarakat.

Saya berharap umpamanya institut ini dapat memainkan peranan menjadikan ilmu kimia ataupun perkara-perkara yang berkaitan dengan kimia menjadi sesuatu yang popular di dalam masyarakat. Memang ini suatu perkara yang susah – hendak jadikan lagu popular senang, hendak menjadikan perkara-perkara yang memberi keselesaan kepada orang ramai dan kegembiraan adalah senang. Tetapi untuk

menjadikan ilmu pengetahuan, sains, teknologi, ilmu kimia, fizik, perubatan dan lain-lain sebagai bahan yang popular adalah satu yang susah tetapi kalau kita melihat di negara-negara Barat, pada umumnya masyarakat lebih peka kepada perkara-perkara yang berbentuk keilmuan, perkara-perkara yang akademik, perkara-perkara yang bersifat sains dan teknologi.

Saya menyebut ini oleh kerana kita lihat pada hari ini satu kecenderungan masyarakat kita untuk lebih banyak melihat ataupun mencari escapism ke dalam perkara-perkara yang tidak bersikap keilmuan. Saya mengambil contoh, ada sebuah majalah, biar saya sebut namanya, majalah *Mastika*. Majalah *Mastika* suatu masa dahulu adalah satu majalah yang baik mengandungi bahan-bahan bacaan yang membangun, sampai satu ketika circulation ataupun pasaran kepada majalah ini merosot kepada satu angka yang cukup rendah. Kemudian di atas kepentingan untuk menjaga keuntungan kewangan bagi syarikat yang menerbitkan majalah ini *Mastika* berubah wajah dan mengubah isinya. Memenuhi majalah ini dengan cerita-cerita karut, tahyul, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang membaca majalah ini dan kalau kita lihat pada hari ini, inilah majalah yang cukup popular circulationnya berlipat ganda meningkat dan sekarang ini majalah-majalah lain pula telah mengikuti apa yang dilakukan oleh *Mastika* ini kerana mereka telah ketinggalan dari segi circulation. Majalah mereka telah tidak laku berbanding dengan *Mastika* dan kita lihat sekarang, minta maaf saya tidak berani hendak sebut tetapi banyak majalah-majalah lain sudah mengikuti contoh *Mastika*. Yang Berhormat Mastika tidak ada kaitan dengan majalah Mastika.

Kita lihat bukan sahaja majalah malahan pendakwah-pendakwah kita hari ini pun telah masuk ke bidang ini dan bercakap manusia berubah menjadi khinzir dan hari ini terdedah bahawa ini adalah satu penipuan yang besar tetapi cerita-cerita ini semua diterima oleh masyarakat. Masyarakat mempercayainya kerana masyarakat dididik dan didedahkan dengan perkara yang bersifat tahyul ini dan kita tahu perkara-perkara seperti ini mengikat kita dari bergerak lebih maju. Dan kerana keyakinan kita kepada

benda-benda ini kita lambat untuk menerima perkara-perkara baru yang bersifat teknologi, yang bersifat sains adalah terlalu rendah berbanding dengan masyarakat Barat yang mempunyai potensi yang tinggi untuk menerima perkara -perkara baru yang bersifat ilmiah.

Jadi kerana itu saya yakin kalau badan-badan selain daripada mass media yang ada, badan-badan yang bersifat profesional seperti institut kejuruteraan, institut kimia, pelbagai institut yang ada yang menjadi pertubuhan kepada profesional yang telah dididik oleh negara kita ini dapat memberi sumbangan menjadikan ilmu pengetahuan mereka itu sebagai satu yang popular. Jangan terkongkong di dalam kepompong mereka sahaja, terikat dengan terminologi mereka sahaja, bercakap pun orang tidak faham, hendak berhubung dengan orang pun orang tidak dapat faham tetapi menjadikan ianya popular, bagi ianya simple dapat bahan-bahan yang berkaitan dengan kimia umpamanya keluar dalam surat khabar, dalam majalah dalam bahasa yang mudah dalam cara yang menarik supaya menarik bukan sahaja kanak-kanak tetapi orang dewasa untuk membaca dan terhibur dengannya. Bagaimana cerita umpamanya viagra. Bagaimana viagra ditemui, apakah reaksi bio-chemical viagra umpamanya dan ini saya rasa menarik umum untuk membaca dan kita boleh memilih perkara-perkara seperti ini untuk diberi analisis dan penerangan sebagai pengetahuan umum.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap supaya masyarakat kita dapat dibentuk menjadi masyarakat yang lebih peka kepada ilmu pengetahuan sebagaimana dahulu semasa masyarakat jahiliah, Nabi Muhammad (s.a.w) dapat mengubah masyarakat jahiliah yang percaya kepada pelbagai perkara karut-marut dan akhirnya dapat dalam jangka masa yang singkat melahirkan satu masyarakat yang bersifat sains dan teknologi yang dapat membangun tamadun yang tinggi pada waktu itu, mengubah bumi padang pasir menjadi bandar-bandar besar dengan ulamak-ulamak yang bukan sahaja faham tentang ilmu agama tetapi ulamak-ulamak yang faham tentang matematik, yang mengasaskan matematik, yang faham tentang kimia yang mengasaskan ilmu kimia. Perkataan 'kimia' itu pun dari bahasa Arab, yang mengasaskan ilmu fizik, yang

terlebih dahulu jauh daripada Popahincas menceritakan bahawa bumi ini bulat, bahawa matahari tidak mengelilingi bumi tetapi bumi mengelilingi matahari dan sebagainya. Ini adalah warisan tamadun kita yang sudah 1,500 tahun umurnya tetapi hari ini kita kembali ke zaman jahiliah dengan membaca, menyebarkan dan meyakini perkara-perkara yang karut-marut yang dihapus oleh agama kita sejak dahulu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara yang ingin saya sentuh dan sekali lagi saya mengharapkan pindaan kepada Rang undang-undang Ahli Kimia 1998 ini dapat menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang maju, makmur dan berkat dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim.

4.17 ptg.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahaskan pindaan Akta Ahli Kimia 1975. Sebenarnya saya hanya ingin memberi sedikit pandangan kerana berpendapat seperti mana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Haji Hamzah tadi bahawa perlunya badan profesional seperti Institut Ahli Kimia ini diberikan satu tanggungjawab untuk memastikan apa yang dilaksanakannya adalah benar-benar untuk kebaikan dan urusan awam, dengan izin, untuk 'public interest'.

Saya juga berpendapat bahawa banyak badan profesional yang kadang kala kaku dengan apa yang mereka anggap peranan mereka yang telah diwujudkan mungkin dari sejak zaman profesion itu diwujudkan dan tidak adanya pendekatan-pendekatan baru, falsafah-falsafah baru, objektif-objektif baru yang sebenarnya dituntut daripada satu-satu badan profesion ataupun seorang ahli profesion itu. Begitu juga dengan seorang ahli kimia ataupun seorang yang berprofesion ahli kimia, ia tidak sepatutnya hanya menumpukan kepada apa yang perlu dilakukannya sebagai ahli kimia yang mungkin dituntut mengikut keadaan semasa tetapi ia juga perlu melihat pada hemat saya, terutamanya memasuki alaf 21 nanti bahawa adanya kita memikirkan satu arah tuju yang lebih dinamik, satu arah tuju yang lebih proaktif, satu arah tuju yang akan lebih

melihat ke hadapan yang akan mengatasi masalah atau dapat melihat masalah sebelum masalah berlaku. Jadi ini adalah satu perkara yang saya anggap adalah sangat penting, kalau kita banyak membaca buku tentang masa atau arah tuju masa depan, apa yang dipanggil sebagai 'the third wave' atau ombak yang ketiga, perlulah juga saya merasakan bahawa ahli kimia perlu juga meniti ombak yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sangat penting saya rasakan yang perlu dilihat sebagai satu perkara yang kita lihat daripada pindaan ini walaupun pindaan ini sedikit sahaja tetapi pengiktirafan yang diberi kepada warganegara negara ini untuk menjadi ahli institut adalah merupakan satu pengiktirafan sepertimana yang dikatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tadi, kita menerima hakikat bahawa warganegara kita juga mempunyai kemampuan untuk sama-sama menangani isu-isu yang berkaitan dengan kimia dan kita dapati bahawa isu-isu yang mengenai dengan kimia ini bukan hanyalah terbatas kepada perkara-perkara yang akan wujud mungkin yang dikatakan oleh institut itu sebagai perkara-perkara dalam bidang kuasa institut, tetapi juga saya berpendapat bahawa dengan adanya pengiktirafan bahawa warganegara kitalah yang diberikan kepercayaan maka ini bermaknalah kita perlu melihat kepada keadaan kehendak tempatan, dengan izin, local needs, maka dengan itulah lebih-lebih lagi kita mempunyai harapan bahawa Institut Ahli Kimia ini akan dapat berperanan untuk melihat kepada masalah-masalah sekelilingnya terutamanya dari segi penguatkuasaan dan kawalan.

Saya ingin mengemukakan masalah yang juga telah dikemukakan oleh rakan-rakan saya tadi iaitu terutamanya dari segi penyelidikan dan pembangunan yang berkait rapat dengan kebajikan awam ataupun kepentingan awam, terutamanya ialah tentang pencemaran. Pencemaran yang dalam pelbagai bentuk, kita dapati pencemaran itu bukan sahaja pencemaran daripada alam sekeliling yang disebabkan oleh kimia-kimia yang akan bertaburan oleh kerana kegiatan-kegiatan manusia tetapi juga saya ingin menekankan tentang pencemaran (pollution) yang berlaku kepada

nasib pekerja-pekerja terutamanya yang bekerja di dalam industri-industri yang melibatkan kimia.

Banyak kita dapati laporan-laporan atau nasib pekerja-pekerja yang ditimpa kemalangan industri yang melibatkan kimia-kimia, sama ada mereka tidak ada perlindungan ataupun pada hemat saya, kimia-kimia yang digunakan yang sememangnya kita ketahui merupakan racun yang merbahaya kepada manusia perlulah diberikan perhatian agar manusia yang mungkin merupakan bapa ataupun ibu itu akan dapat hidup dengan lebih selamat dan tidak juga akan menimpa kepada anak-anak mereka kerana kurangnya penjagaan penyeliaan untuk menjaga kesihatan mereka, terutamanya mereka juga merupakan penyumbang kepada industri-industri.

Saya juga ingin menekankan tentang pencemaran kimia dalam makanan yang saya juga harap bahawa pihak institut dan ahli-ahli profesional kimia akan memberi pendekatan yang lebih agresif dan proaktif untuk sama-sama mengatasi masalah ini dan juga dalam bentuk kita memerangi dadah, ahli-ahli kimia juga perlulah memberikan pandangan dan juga idea-idea baru bagaimanakah kimia ini dapat dikawal selia agar tidak terdapat ke tangan mereka yang tidak bertanggungjawab hingga menjadikan dadah yang boleh membunuh ramai dari anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya sebagai penekanan saya tentang kawalan dan pencemaran ini juga, saya ingin menyentuh tentang penggunaan detergent ataupun kimia yang mungkin boleh dibuat penyelidikan dan pengkajian terutamanya bagaimana satu isu juga yang payah hendak kita atasi ialah tandas-tandas awam, sehingga hari ini kita masih lagi tidak mempunyai kimia-kimia atau detergent, dengan izin, yang sebenarnya dapat mengawal bau dan juga kebersihan tandas-tandas awam, mungkin ini satu perkara yang bukan secara khususnya daripada institut, tetapi saya rasa ini adalah juga perkara-perkara yang perlu dilihat dengan secara terperinci oleh pihak ahli-ahli kimia.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang ingin saya sampaikan yang pentingnya, yang ingin saya suarakan untuk menyokong Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998 ini ialah

saya ingin menyeru profesion ini akan dapat terus dipertingkatkan dan dengan semua ahli-ahli majlisnya merupakan mereka yang warganegara lebih besarlah tanggungjawab mereka untuk dapat menegakkan apa yang dipanggil istilah kimia yang baik, penggunaan kimia yang baik dan seterusnya kita berdoa bahawa ahli kimia negara kita akan dapat menempa nama dalam sejarah chemical dunia sebagai peneraju kimia dalam perkara-perkara baru yang memberi manfaat kepada manusia dan alam sejagat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang isu yang ada di hadapan kita iaitu perbahasan Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pandangan yang diberi tadi adalah begitu berguna sekali, ini adalah pandangan daripada pemimpin-pemimpin masyarakat, mereka yang berilmu, berpengetahuan dan saya juga merasa bangga kerana Yang Berhormat Puan Hajah Mastika, pembedu yang pertama tadi sebagai graduan sains tetapi dia menjadi politician sekarang. Jadi, dengan ilmu-ilmu yang ada barangkali dia boleh menolong masyarakat umum dalam usaha kerajaan hari ini untuk meningkatkan banyak lagi anak-anak kita, anak-anak Malaysia cenderung kepada bidang ilmu sains.

Tidak dapat kita nafikan bahawa usaha-usaha kerajaan untuk menambahkan lagi mereka yang berkelulusan dalam bidang sains ini ditingkatkan, kalau dahulu, kalau tidak salah saya dasar yang ada ialah 60:40, 60 Sastera dan 40 Sains, sekarang sudah diputar balik menjadi 40:60 untuk menggalakkan anak-anak kita.

Kita bangga hari ini apa yang sedang diusahakan ini semua adalah memberi kebaikan kepada negara kita sendiri dan kita berasa yakin dengan adanya pindaan ini

dan badan-badan yang menganggotai institut ini terdiri dari warganegara sendiri, ini akan lebih membanggakan kita. Ini telah mengambil masa yang begitu lama iaitu selepas kita mencapai kemerdekaan hampir-hampir 40 tahun, kita akan dapat melihat, dalam kita hendak melangkah kepada new millennium, alaf baru, kita akan mempunyai badan ini yang dianggotai oleh anak negeri ini sendiri. Ini dapat dicapai kerana bertambahnya mereka yang berkelulusan daripada bidang-bidang kimia, bidang-bidang ilmu sains ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya tidak mahu menyentuh atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh kementerian-kementerian yang lain, yang ada kaitan juga dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kerana ianya adalah menyentuh Kementerian Pendidikan dalam mengeluarkan lulusan-lulusan dalam bidang sains dan khususnya dalam bidang chemical (kimia), dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkenaan dengan sampah-sarap, tetapi saya hendak menyentuh khususnya dalam bidang Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan pindaan kepada rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah usaha untuk menambahkan lagi pelajar-pelajar dalam bidang ilmu sains ini giat diadakan dan pelbagai usaha telah dijalankan dan melalui Institut Kimia ini mereka telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk menggalakkan lagi anak-anak bangsa kita di negara Malaysia ini supaya cenderung kepada pelajaran kimia.

Jadi, ini kerana soal-soal mendapat dari segi komersialnya, saya tidak dapat hendak menyatakan di sini bahawa mungkin mereka ini tidak berminat kerana nilainya mungkin tidak setinggi mana kalau dibandingkan dengan ahli-ahli korporat atau mereka yang di dalam golongan eksekutif di peringkat yang tinggi.

Jadi, ini adalah satu bidang akademik dan barangkali kita tidak dapat melihatkan manfaatnya dengan begitu nyata, tetapi terang-terang dan nyata kita melihat bahawa perubahan yang ada dalam negara kita ini, di bumi Malaysia ini adalah

hasil daripada pelajar-pelajar lulusan terutama dalam bidang sains dan lain-lain pelajaran tinggi lagi sehingga kita mencapai kepada tahap yang kita ada hari ini. Kita patut berbangga kalau dahulu kita tidak dapat hendak memikirkan bahawa kita boleh mengeluarkan alat-alat yang canggih, hari ini kita adalah salah sebuah negara yang boleh kita banggakan dalam rantau ini bahawa kita adalah pengeluar kepada barang-barang canggih, teknologi-teknologi yang tinggi.

Jadi, ini semua adalah hasil daripada usaha pelajaran, pendidikan dan galakan yang diberikan oleh kerajaan dan tidak syak lagi bahawa Institut Kimia ini telah memainkan peranannya sebagai satu 'vehicle', satu badan yang turut memberi pemikiran dan mencari jalan untuk menubuhkan beberapa badan-badan yang lain mengeluarkan perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum atau oleh negara.

Mengenai dengan sisa-sisa makanan yang merosakkan dan mencemarkan ini semua ada kaitannya dan memanglah apabila perkara ini berlaku dalam satu-satu tempat maka kepada Jabatan Kimialah dirujuk perkara ini untuk mendapat analisisnya dan inilah yang kita dapat mengetahui dengan lebih jelas lagi segala usaha untuk membetulkan perkara ini mesti dilakukan dan membuat perundangan dan peraturan-peraturan supaya perkara ini sesuai dengan zaman yang meningkat maju hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah tadi usaha sumbangan untuk menjadikan ilmu kimia popular dalam masyarakat atau kimia di masyarakatkan atau lain-lain, memanglah Institut Kimia Malaysia mempunyai satu jawatankuasa kimia untuk masyarakat bagi mempromosi kesedaran awam mengenai ilmu kimia dan kesannya kepada kehidupan seharian ini diberi makluman ini dan mengenai dengan majalah tadi, Yang Berhormat Tuan Haji Hamzah mengatakan tidak popular lagi dengan majalah *Mastika*, ini saya tidak mahulah hendak memberi komen atau pendapat saya ini

mungkin diambil daripada sudut komersial perniagaan. Jadi, hari ini kerana terlampau banyak orang yang telah bijak pandai menulis, macam-macam sains fiction dan macam-macam lagi, jadi the choice pemilihan adalah terpulang kepada customers, pembaca yang di bawahnya. Jadi, keluaran majalah-majalah ini kalau dahulu *Mastika* itu, dia menguasai pasaran kerana ada artikel yang baik-baik dan menarik pandangan, hari ini dia masuk dengan artikel yang lain dan diikuti oleh majalah-majalah lain, itu saya tidak mahu komenlah, ini adalah semata-mata daripada business point of view sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meminta supaya ahli-ahli persatuan kimia dan lain-lain untuk melihat keluar memanglah kalau kita hendak katakan keupayaan manusia itu tidak sebanyak mana, ianya mengikut kemampuan mereka, kapasiti mereka kerana kita ini adalah daripada golongan yang lemah, walaupun mereka berilmu pengetahuan yang tinggi tetapi ia ada mempunyai limitation, dengan izin, had-hadnya dan memang mereka ini sedang berusaha hari ini untuk menyebarkan ilmu ini, yang saya tahu dalam majlis-majlis juga diiktirafkan kepada ahli-ahli kimia negara untuk menambahkan mereka yang berilmu pengetahuan dalam bidang kimia dan lain-lain bidang sains.

Yang Berhormat Puan Kamalia meminta supaya badan profesional untuk kepentingan awam dan lain-lain, memanglah dalam negara dan mana-mana negara di dunia ada pelbagai disiplin, mereka yang berkelulusan undang-undang ada badan mereka tersendiri, kimia juga ada, fizik juga ada dan pelbagai lagi dalam semua bidang, jadi mereka mempunyai vehicle, kenderaan yang tersendiri dan mereka memikirkan dalam bidang pengkhususan yang mereka tahu, yang mereka berilmu, maka dengan ilmulah disebarkan dan digerakkan perkara ini nanti, tidaklah mereka ini duduk dalam badan-badan ini dan simpan sahaja dan mereka memberi masa yang banyak untuk membuat penyelidikan, research atau development pada hal dari kajian mereka dan hasil-hasil ilmu yang mereka temui mereka bukukan, maka dari buku-

buku inilah dijadikan bacaan, fasal itulah kita dapat ilmu hari ini adalah dari penulis-penulis ahli ilmuan yang sebelum dari kita dahulu, ribuan dan ratusan tahun dan sehingga hari ini pencapaian kita hasil daripada innovation, renovation, pertumbuhan dan pertambahan ilmu ini maka kita dapat melihat ianya bertambah dan kemajuan itu bertambah, keluaran barang-barangan pun lebih baik lagi, barangan tempatan kita hari ini boleh setanding dengan barangan keluaran dari luar negara. Dalam saat-saat kita menghadapi galakan dari kerajaan hari ini untuk membeli barangan dalam negeri, maka timbullah usaha dari kalangan mereka yang berilmu pengetahuan, yang berminat mengeluarkan barangan mereka yang sophisticated, yang begitu canggih boleh setanding dengan barangan keluaran luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kereta seperti yang saya katakan tadi, tidak terfikir oleh kita satu hari anak-anak Malaysia ini dapat mengeluarkan dan menjadi ahli teknokrat yang bijak, yang pandai boleh mengeluarkan kereta nasional, bukan sedikit komponen malah beribu-ribu komponennya, kalau salah dibuatnya maka kita yang memandunya akan mati terbakar dan pelbagai lagi seperti kena karan dan ini telah dapat diusaha dan dilakukan oleh anak negara kita sendiri hasil dari pelajaran dan ilmu pengetahuan yang telah mereka dapati dan hasil dari badan-badan seperti Institut Kimia dan pelbagai institut lagi yang telah memberi sumbangan kepada negara kita dan penulis-penulis.

Jadi ini semua tidak boleh kita ragukan dan kalau kita tengok barangan elektronik hasil daripada pemindahan teknologi dari luar negara ke negara kita ini, negara kita adalah salah sebuah negara yang mengeluarkan barangan elektronik yang terbesar di dunia. Tidak sangka di mana negara yang mempunyai rakyat seramai 20 juta dibandingkan dengan negara lain di rantau ini sahaja negara kita adalah sebuah negara yang kecil tetapi mempunyai penduduk yang bijak dan berpelajaran, dapat mencari market dan pasaran kepada hasil keluaran teknologi tinggi dengan ilmu pengetahuan yang tinggi dan baik yang telah diasuh, kesedaran yang diberi oleh

kerajaan selama ini untuk menceburkan diri dalam bidang yang baik ini. Pada saya yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi untuk bangsa dan negara kita - kita boleh berbangga dengan ini semua. Insya-Allah apa-apa perkara yang tidak dapat saya hendak jawab satu persatu di sini ada dalam catatan dan insya-Allah bukan hanya catatan yang disimpan di muzium atau library tetapi ianya akan dikaji oleh ahli-ahli, pakar-pakar dan anak-anak Malaysia yang boleh dibanggakan pada hari ini.

Insya-Allah dan kita tentu akan meningkat daripada satu tahap kepada satu tahap yang lebih baik. Itulah harapan kita dan kita harus ingat akhirnya, Tuan Yang di-Pertua kemajuan memerlukan pengorbanan - it cost sacrifice. Inilah pengorbanan yang kita mahu daripada semua pihak supaya memberikan sokongan dan galakan atas usul-usul kerajaan yang baik ini untuk mengeluarkan ilmuan khususnya dalam bidang sains dan lain-lain. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Bacaan Kali Yang Kedua

4.44 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memberi kuasa kepada Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk mengambil alih pinjaman-pinjaman tidak berbayar dari institusi kewangan dan menggunakan prosedur pintas bagi memindah serta mendapatkan hak milik ke atas aset atau sekuriti yang disandarkan ke atas pinjaman dengan ketentuan pemilikan, seterusnya menguruskan pinjaman dan aset serta melaksanakan rancangan menyusun semula aset-aset dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kegawatan ekonomi melanda negara pada pertengahan tahun lepas bank-bank yang sebelum itu giat mengeluarkan pinjaman menjadi terlalu berhati-hati untuk memberikan pinjaman baru kerana kkuatir mereka akan menghadapi masalah pinjaman tidak berbayar. Keraguan pihak sektor perbankan ini boleh difahami kerana pinjaman tidak berbayar atau NPL bersih sistem perbankan telah meningkat daripada 4.7% pada akhir tahun 1997 kepada 8.5% pada akhir bulan Mei 1998 akibat krisis kewangan yang melanda rantau ini. NPL yang tinggi serta kawalan kewangan yang ketat untuk menstabilkan nilai mata wang Ringgit telah menyebabkan kadar pertumbuhan pinjaman menurun dengan ketara. Walaupun Bank Negara Malaysia telah menetapkan sasaran kadar pertumbuhan pada tahap 15% pada akhir tahun 1998. Maklumat sehingga Mei 1998 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan yang dicatat ialah sebanyak 12% sahaja. Ketidakupayaan sistem perbankan untuk menyalurkan kredit disebabkan terutamanya oleh peningkatan NPL dan kadar faedah tinggi telah menyebabkan KDNK mengecut sebanyak 1.8% dalam suku tahun pertama 1998.

Situasi ini tidak boleh dibiarkan keterlaluan sehingga menghalang pertumbuhan ekonomi negara disebabkan oleh ketiadaan pembiayaan. Dengan itu

kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ataupun Danaharta dengan tujuan khusus untuk mengambil alih pinjaman tidak berbayar daripada institusi-institusi kewangan di Malaysia dan seterusnya menguruskan NPL serta aset-aset yang terbabit. Ini akan membolehkan institusi-institusi kewangan menumpukan perhatian dan usaha mereka kepada aktiviti perbankan komersial yang biasa tanpa perlu memberi lebih tumpuan untuk mendapatkan kembali pembayaran ke atas hutang-hutang tersebut.

Danaharta akan membeli pelbagai jenis pinjaman, mendapatkan hak milik yang sempurna ke atas aset yang berkaitan NPL dan memindahkan hak milik yang sempurna kepada pihak ketiga. Dengan menjual aset-aset kepada Danaharta, bank-bank dapat menggantikan NPL dengan wang tunai. Rundingan tentang harga jualan akan dijalankan secara komersial dan kedua-dua belah pihak, penjual dan pembeli berurus niaga di atas kerelaan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk berjaya mencapai objektifnya Danaharta perlu berupaya mengurus dan menyelesaikan pengambilalihan aset dan liabiliti dengan cepat dan berkesan.

Seperti syarikat biasa, yang dikongkong oleh peraturan dan perundangan transaksi perniagaan, untuk tujuan ini, Danaharta akan ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berkanun yang diperbadankan dan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan kuasa-kuasa yang akan diberikan oleh sebuah Akta Parlimen.

Status sebagai sebuah syarikat berkanun akan memberi Danaharta kelenturan dari segi perolehan sumber kewangan dan operasi di samping memberi kuasa undang-undang yang khusus bagi memenuhi objektifnya. Bagi membolehkan Danaharta bergerak dengan cekap, cepat dan berkesan ianya perlu mempunyai kuasa-kuasa tertentu di bawah sebuah Akta Parlimen seperti berikut:

- (i) keupayaan mengambil alih pinjaman-pinjaman daripada institusi-institusi kewangan dengan menggunakan prosedur pintas bagi memindah dan mendapatkan hak milik ke atas aset atau sekuriti yang disandarkan dengan ketentuan pemilikan; dan
- (ii) keupayaan untuk menguruskan pinjaman Danaharta aset serta melaksanakan rancangan menyusun semula aset-aset.

Secara ringkasnya, Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad memberi ketentuan hak milik atas aset-aset yang diambil alih oleh Danaharta dan aset-aset yang diperolehi itu akan terletak hak kepada Danaharta pada tarikh perolehan.

Danaharta akan mengambil alih semua hak, hak milik dan kepentingan penjual aset setakat kepentingan terdaftar dan tuntutan-tuntutan serta pengambilan alih kewajipan-kewajipan tertentu yang harus diperolehi ke atas aset tersebut seperti yang dizahirkan oleh penjual aset kepada Danaharta.

Perletakhakkan tersebut akan menghalang seseorang daripada membuat tuntutan terhadap Danaharta ke atas aset berkenaan kecuali jika tuntutan itu telah dizahirkan oleh penjual kepada Danaharta. Rasional peruntukan ini ialah untuk membolehkan Danaharta mengambil alih dan jika perlu melupuskan aset dengan cepat, cekap dan berhemat. Danaharta perlu mempunyai keupayaan untuk mendapatkan dan memindahkan hak milik mutlak ke atas aset tersebut kepada mereka. Kegagalan berbuat demikian, terutamanya apabila ia melibatkan diri aset-aset bermasalah mendedahkan Danaharta dan pihak yang membeli aset itu daripada Danaharta kepada risiko-risiko kewangan yang tidak teranggar dan proses perundangan yang berlarutan. Namun demikian, hak pemilik aset tetap terpelihara tetapi ia mesti dizahirkan semasa transaksi penjualan dibuat dengan Danaharta. Jika ia tidak dizahirkan, pemilik aset masih boleh membuat tuntutan dari penjual aset.

Bagi menguruskan aset dan liabiliti yang diambil alih oleh Danaharta pula kuasa-kuasa baginya diperuntukan di bawah Bahagian VI. Bagi tujuan tersebut, sebuah

jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Selia akan dilantik oleh Menteri Kewangan dan jawatankuasa ini diberi kuasa untuk meluluskan perlantikan Pentadbir Khas dan Penasihat Bebas. Cara ini ia akan memberi ketelusan kepada proses pengambil alih aset kerana Jawatankuasa Selia akan terdiri daripada seorang wakil masing-masing daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.

Jawatankuasa Selia akan secara berkecuali melantik Pentadbir Khas yang bertanggungjawab untuk menyediakan rancangan pemulihan. Tugas Pentadbir Khas adalah berbeza daripada liquidator di dalam kes penggulungan syarikat kerana di dalam kes-kes Danaharta tugas Pentadbir Khas ialah bukan untuk menggulung syarikat tetapi hanya setakat mencadangkan skim untuk pengambil alih, membaik pulih dan menjual balik pinjaman dan aset yang terlibat. Walau bagaimanapun, skim cadangan daripada Pentadbir Khas ini pula perlu diteliti dan disemak oleh penasihat bebas. Penasihat bebas ini akan dilantik di kalangan bank-bank perdagangan, firma akauntan dan ahli profesional. Langkah ini dalam proses pengambil alih dan pemulihan mempunyai ciri-ciri dengan izin, check and balance supaya semua cadangan diteliti oleh lebih dari satu pihak dan kepentingan pihak ketiga dipastikan tetap akan terpelihara. Lain-lain peruntukan undang-undang ini melibatkan kuasa perlantikan lembaga pengarah, modal saham Danaharta, jaminan kerajaan di atas peminjam-peminjamnya. Pemakaian akta ke atas subsidiari yang efektif, peruntukan indemniti kepada kakitangan Danaharta dan peruntukan-peruntukan am yang lain.

Bagi membolehkan Danaharta beroperasi dengan berkesan, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, seksyen 132G Akta Syarikat 1965 dan Akta Perbankan Islam 1983 tidak terpakai. Namun demikian Danaharta akan menggunakan Akta Syarikat 1965, Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perbankan Luar Pesisir 1990 dan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 tetapi akan memohon untuk dikecualikan daripada beberapa peruntukan tertentu dalam akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, buat permulaannya Danaharta akan dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan dengan modal berbayar sebanyak RM250 juta. Danaharta dianggarkan akan memerlukan pembiayaan sebanyak RM25 bilion untuk membeli NPL daripada sistem perbankan. Pinjaman-pinjaman yang akan dibuat oleh Danaharta bagi membiayai aktiviti-aktivitinya melalui terbitan bon di pasaran-pasaran modal domestik dan antarabangsa akan dijamin sepenuhnya oleh kerajaan.

Sebagai kesimpulan ingin saya menegaskan bahawa kerajaan merasakan amat penting sekali Danaharta ditubuhkan dan diberi kuasa tertentu sebagai salah satu langkah untuk memulihkan semula ekonomi negara kita. Penggubalan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad adalah bertujuan untuk memastikan supaya usaha Danaharta untuk memulihkan ekonomi negara melalui pemindahan NPL dan aset bermasalah dari sektor perbankan kepada entiti yang mampu menguruskan NPL dan aset tersebut secara profesional, telus dan berkesan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya menohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta yang mengadakan undang-undang khas bagi pemerolehan, pengurusan, pembiayaan dan pelupusan aset dan tanggungan oleh Perbadanan, perlantikan pentadbiran khas dengan kuasa untuk mentadbir dan mengurus orang-orang yang aset dan tanggungannya telah diperolehi oleh Perbadanan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

5.00 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang baru dibentang oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-

Pertua, terlebih dahulu saya sukalah mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan ucapan setinggi tahniah kepada kerajaan yang telah mengambil langkah berani untuk mewujudkan sebuah syarikat yang dinamakan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang saya sifatkan mempunyai dua matlamat serentak. Pertama untuk membantu bank-bank dan institusi kewangan supaya dimudahkan kecairannya dan pada masa yang sama untuk membantu syarikat-syarikat yang menghadapi masalah akibat daripada kegawatan ekonomi.

Kita percaya dan kita berharap dengan pengwujudan syarikat pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini, masalah kecairan wang di bank-bank dan institusi kewangan dan membantu syarikat-syarikat yang bermasalah akibat kegawatan ekonomi insya-Allah dapat diatasi dengan secepat mungkin. Danaharta ini Tuan Yang di-Pertua, memerlukan RM25 bilion modal bagi tujuan untuk mengambil alih pinjaman-pinjaman yang tidak berbayar di bank-bank dan institusi kewangan di mana mengguna prosedur pintas iaitu bagaimana hendak mengatasi masalah non-performing loan yang tidak dibayar oleh syarikat-syarikat kemudian ianya nanti dapat membantu bank yang mempunyai kecairan dan juga membantu syarikat yang saya sebutkan tadi.

Walau apa pun Tuan Yang di-Pertua, eloklah juga sedikit kita melihat kebelakang pengalaman-pengalaman lalu yang menyebabkan kita menghadapi NPL yang begitu tinggi. Sememangnya dari segi satu pihak kita pernah kedengaran suara-suara ataupun keluhan syarikat-syarikat ataupun sesiapa saja yang ingin mendapat pinjaman sukar untuk mendapat pinjaman dengan bank dan pada masa yang sama apabila kita lihat NPL ini begitu tinggi juga menunjukkan betapa mudahnya bank-bank kita dan institusi kewangan memberi pinjaman kepada pihak-pihak peminjam.

Sememangnya tidak dapat dinafikan dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini sebelum kita menghadapi kegawatan ekonomi, terlalu banyak projek pembangunan terutamanya dalam bidang properties, sektor property yang meningkat begitu banyak dan mendadak yang menyebabkan banyak pihak mendapat pinjaman dengan pihak bank tetapi mereka tidak menunaikan kewajipan untuk membayar balik yang menyebabkan bank-bank tidak berupaya pula untuk memberi pinjaman kepada pihak-pihak lain.

Satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan iaitu daripada RM25 bilion yang diperlukan, inilah jumlahnya yang dijangkanya dapat modal yang diperlukan untuk mengambil alih NPL yang saya percaya pihak Kementerian Kewangan sudah pun mempunyai maklumat-maklumat terperinci.

Bolehkah pihak kementerian menyenaraikan dari segi bank-bank dan institusi kewangan, manakah yang paling banyak menghadapi NPL ini? Sama ada Bank Bumiputra, Malayan Banking ataupun bank-bank tempatan. Yang manakah yang paling banyak? Saya bertanyakan demikian kerana saya hendak tahu juga adakah individu-individu diberi pinjaman yang boleh disifatkan di luar kemampuan kerana saya difahamkan ada di kalangan bank-bank pada masa yang sama sukar memberi pinjaman kepada pihak-pihak tertentu tetapi pada masa yang sama boleh memberi pinjaman yang begitu besar kepada satu syarikat ataupun satu-satu individu.

Kalau inilah pengalaman yang dahulu, saya percaya dan saya berharap peristiwa seumpama ini tidak harus berulang lagi sebab walaupun pada masa yang sama kita meletakkan kesalahan kejatuhan ekonomi kita bermula dengan serangan Ringgit kita akibat daripada perbuatan pihak luar pada masa yang sama juga kita mesti melihat di

manakah adanya kekurangan yang perlu diperbaiki kalau ada kelemahan-kelemahan dalam urusan memberi pinjaman kepada pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengambilalihan aset-aset dan liability ini yang menggunakan prosedur pintas, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberi penjelasan melalui prosedur di mana Jawatankuasa Selia akan melantik pentadbir khas yang berbeza dengan badan yang disebut liquidator tetapi lebih merupakan - ini turn around untuk baik pulih syarikat-syarikat yang bermasalah.

Saya sukalah menyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, kejayaan pengurusan Danaharta Nasional Berhad nanti bergantung kepada amanah dan sikap telus mereka yang bertanggungjawab. Setiausaha Parlimen menyebut tadi ianya akan diurus dengan profesional, telus dan berkesan. Profesional kita memerlukan kepada mereka yang berpelajaran, yang ada kemahiran dan ada pengetahuan tetapi telus ini ia bergantung kepada amanah dan amanah inilah yang paling rumit. Maka sebab itulah saya ingin mencadangkan supaya dalam Danaharta Nasional Berhad ini pengurusan nanti saya berharap dikecualikan langsung orang-orang yang berniaga ataupun berkepentingan. Dalam Suruhanjaya Sekuriti dan lain-lain jawatankuasa ataupun badan yang dibentuk selama ini terdapat juga ahli-ahli perniagaan yang boleh ditakrifkan 'conflict of interest' tetapi mereka juga dilantik. Tetapi dalam soal pengurusan Danaharta ini biarlah mereka yang dilantik dalam Jawatankuasa Selia nanti orang yang benar-benar bebas dan tidak ada kepentingan dalam urusan perniagaan. Sebab perkataan telus, amanah ini begitu subjektif walaupun telus pada kaca mata kita yang melihat tetapi dia mungkin tidak telus di belakang. Siapa boleh jamin, ini manusia rambut sama hitam, hati kita tidak tahu.

Maka sebab itulah yang pentingnya amanah. Amanah inilah Tuan Yang di-Pertua, perkara yang cukup rumit sebab kalau pun nanti kita katakan kita lantik mereka

yang ada berkepentingan di luar maka mereka akan bersifat telus waktu berada dalam Jawatankuasa Selia tetapi cara pihak-pihak tertentu menggunakan kesempatan kuasa dan kedudukan untuk mendapat sesuatu kepentingan yang kita lihat sebelum ini boleh dibuat dengan begitu halus, dengan begitu licin sekali yang seolah-olahnya ianya ditadbir dengan secara profesional.

Banyak sudah pengalaman yang kita lihat sebelum ini. Apabila cadangan-cadangan dikemukakan dengan kertas yang bertimbun-timbun, dengan persembahan yang cantik oleh kerana kemudahan komputer, grafik dan sebagainya, cukup cantik kita tengok kertaskerja, dengan rajah dan warnanya kadang-kadang kita terpengaruh dengan kertas-kertas kerja yang cantik ini. Manakala akhirnya kita dapatinya ianya bermasalah di kemudian hari.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal amanah inilah yang menjadi soal pokok dalam mengurus Danaharta Nasional Berhad, sebab saya percaya banyak syarikat yang sedang menghadapi masalah sekarang ini. Sudah barang tentu ada pihak-pihak sedang menanti sekarang ini tentang kemudahan yang akan mereka perolehi daripada Danaharta. Saya rasa tidak susah, boleh mungkin ada pihak -pihak sekarang ini menunggu masa sahaja, biarlah syarikat saya sekarang ini menghadapi masalah tidak bayar duit bank pun tidak apa sebab Danaharta tidak lama lagi akan ditubuhkan dan Danaharta akan mengambilalih. Apa-apa yang ada dalam syarikat sekarang ini boleh dilupuskan. Jadi, soal aset nanti yang saya katakan telus sebab berapa jumlah yang terpaksa dibayar oleh Danaharta untuk mengambilalih aset dan liability sesebuah syarikat bergantung kepada penilaian.

Penilaian inilah yang menjadi soal yang paling penting. Saya hendak tanya, jikalau aset itu diambil alih, aset itu bernilai kurang daripada pinjaman asal yang diperolehi daripada bank ataupun daripada institusi kewangan, bagaimanakah baki

pinjaman tersebut? Apakah aset-aset dan liability yang diambil alih oleh Danaharta yang dibayar kepada bank nanti akan terdapat perbezaan jurang yang besar bukan sahaja pinjaman pokok termasuklah interest dan termasuklah lain-lain penalti oleh kerana tidak berbayar.

Jadi bagaimanakah dan apakah tanggungjawab Danaharta dalam soal ini, di mana adakah aset-aset nanti telah apabila diambil alih, jaminan yang telah diberi iaitu collateral peribadi Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menguasai aset tersebut yang tidak berbayar dengan bank mereka akan dilupus oleh pihak bank dan menjadi tanggungjawab pengurusan Danaharta hanya berasaskan kepada harta dan aset-aset ataupun perniagaan yang dimiliki oleh sesuatu syarikat.

Saya percaya dan berharap ianya berasaskan kepada nilai aset semata-mata. Kalaulah ada perbezaan itu tanggungjawab peminjam-peminjam yang memohon peminjam sebelum ini. Jangan sekali-kali nanti Jawatankuasa Selia yang bertanggungjawab nanti orang kata over side, dengan kertas kerja-kertas kerja, dengan penilaian yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu pinjamannya berbilion-biloin ringgit ataupun beratus-ratus juta ringgit. Silap sedikit sahaja dari segi penilaian yang sepatutnya dibayar katakan RM300 juta ke, RM200 juta ke, RM10 juta ke, beza RM500 ribu ataupun beza RM1 juta atau RM10 juta itu besar dia punya nilainya. Manakala kita di kampung hendak dapat projek RM1 juta ke, RM2 juta ke cukup susah. Nanti ada pihak hendak mengambil kesempatan dengan tidak disedari oleh Jawatankuasa Selia, aset-aset yang patutnya bernilai sekian banyak ataupun kurang daripada pasaran, tiba-tiba pihak penilaian boleh mengemukakan laporan-laporan yang menyatakan kedudukan asetnya sekian-sekian banyak. Ini boleh dibuat. Sebab itu saya hendak tanya pihak Kementerian Kewangan, pihak penilai nanti sama ada yang dilantik nanti, betul-betul di kalangan orang-orang profesional.

Orang profesional ini pula, kalau kita tengok konsultan ke baik, veluer ke baik yang di luarnya orang berniaga juga. Kena ingat ini orang berniaga, sama ada kita

lantik sekurang-kurangnya, saya harap dari segi prosedurnya nanti sekurang-kurangnya satu aset dinilai tidak kurang dari oleh tiga valuer. Valuer ini yang dilantik oleh kerajaan dan daripada tiga sumber, sumber ini bermakna tiga syarikat penilai supaya kalau ada tiga syarikat penilai boleh dibuat perbandingan. Sebab syarikat yang membuat penilaian terhadap property ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun mereka ini profesional, tetapi kalau saya pernah lihat, bila urusan jual beli tanah hendak dicagar kepada bank, kalau tiga valuer tiga punya harga.

Penilaiannya sudah jauh berbeza belaka, sampai kalau yang kecil, kalau harta itu bernilai RM10 juta, ada yang membuat RM12 juta, ada yang membuat RM9 juta kurang pulak, ada yang membuat RM15 juta. ini yang saya takut pakat nantilah, dalam lain perkataan pakat inilah yang saya takut. Dan pakat ini boleh buat sebab pakat ini membawa duit, membawa untung faedah kepada golongan-golongan tertentu. Sudahlah mereka mendapat bayaran profesional yang tinggi, tetapi pada masa yang sama mereka mendapat manfaat ini. Kerana non-performing loan daripada syarikat-syarikat yang saya rujuk mungkin yang bermasalah di Bursa Saham Kuala Lumpur, listed company, terlalu banyak aset. Sebab itu walaupun hendak buat cepat, kata Setiausaha Parlimen tadi, berkesan, cepat, pun asalkan cermat, jangan cepat tak cermat. Cepat-cepat itu setuju, sebab kita menghadapi kegawatan ekonomi, syarikat-syarikat ini bermasalah, kalau tidak ramai orang hilang pekerjaan, bank pun tidak ada kecairan. Saya bersetuju dengan cepat, macam mana cepat pun, saya setuju, tapi cepat pun kena cermat, sebab sudah banyak kali 'pisang berbuah dua kali' sudah banyak kali sudah. Sebab itu saya berharap sangat dan menggesa pihak Kementerian Kewangan supaya dalam Jawatankuasa Selia inilah, orang macam Dato' Haji Mohd. Zuki ke ini dia punya telusnya, kredibilitinya terjamin, memang dikenali dan ramai lagi.

Bila ditubuhkan Danaharta ini sebuah syarikat penting pengurusan ambil alih maka kita perlu orang-orang chartered accountant, kita perlu seorang profesional, kita perlu ini Dato' Aziz boleh menjadi lawyer, peguam. Dia bukan peguam dia akauntan,

ini ada dan dia baru bercakap dalam Dewan Rakyat telus, amanah. Jadi kalau bagi tanggungjawab ini bolehlah. Jangan semestinya kita hendak chartered accountant, kita hendak peguam yang tahu undang-undang, yang tahu soal pengurusan perakaunan tetapi jenis-jenis lebai pun kita hendak juga. Macam Dato' Haji Mohd. Zuki kata, saya tak kata tetapi maknanya lebai ini, mungkin tidak ada kelulusan, tetapi dia tahu lebih kurang, sekurang-kurangnya dia boleh, ialah dia tidak tahu banyak, tidak tinggi sangat kelulusan pelajarannya, kalau kita tengok ada bezanya. Beza itu besar sangat, tiba-tiba cepat sangat hendak lulus, beria-ia sangat, nanti orang kata mungkin 'ada basikal sebalik bas', 'Orang kata ada 'udang disebalik mee'. Sebab ini sudah berlaku.

Di bank sendiri, ada pinjaman-pinjaman yang telah diberi sebelum ini dengan cagaran tanah dalam laut, dalam sungai tak tahu di mana tanahnya, ataupun tidak padan dengan jumlah pinjaman collateral yang diberi. Ini diberi manakala ada setengah pihak susah. Saya bukan hendak menuduh, selama ini apa yang dibuat dan dilakukan oleh bank, apa yang diusahakan oleh kerajaan, kita lihat hari ini kita sudah berjaya. Tetapi kita tengok juga kelemahan-kelemahan yang berlaku sebelum ini.

Jadi sebab itulah Jawatankuasa Selia ini kalau dilantik mereka yang kononnya ada nama, orang hebat dari segi berniaga, ada kelulusan, saya ulang sekali lagi, Timbalan Menteri pun ada dekat sini, Setiausaha Parlimen pun ada, ini masalah. Ini pengurusan oleh manusia. Pengurusan Amanah, Pengurusan Danaharta Amanah, amanah ini amanah, ini yang saya cukup kluatir. 25 bilion, betullah duit tak ada lagi hendak jual bond dipasaran tempatan, hendak jual di peringkat antarabangsa, tetapi dijanji oleh kerajaan, RM25 bilion, bukan kecil. Maknanya nanti saya takut juga RM25 bilion ini tiba-tiba yang dapat faedah tujuh, lapan syarikat. Kena satu syarikat 3 bilion 4 bilion macam mana yang lain. Saya hendak tahu juga berapa anggaran daripada RM25 bilion ini, how much we can spread out, berapa syarikat? Nanti orang kata, kalau setitik air di lautan pun tak jadi juga. Kalau boleh RM25 bilion nanti di spread tolong, tapi jangan pulak tolong-tolong orang yang sudah lemas tak mampu hendak angkat, tak guna juga. Itu kalau tolong main-main. Tolong biar betul-betul,

sebab itu yang pentingnya, tolong syarikat-syarikat yang ada potensi. Kalau hendak ambil alih non-performing loan ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan Timbalan Menteri pun ada di sini, kalau hendak ambil alih aset-aset ini, non-performing loan ini ambil alih syarikat-syarikat yang ada potensi.

Walaupun ada harta tapi mesti ada potensi untuk berkembang, kalau setakat syarikat itu ada aset harta, berniaga sudah tiada, tanah pun mungkin, kalau ada property pun mungkin selepas hendak diambil alih hendak dijual pun susah, hendak dimaju pun susah, saya rasa tak perlu diberi perhatian. Yang perlu diberi perhatian ialah syarikat-syarikat yang ada harta atau aset dan syarikat itu ada potensi untuk maju dan jumlah pekerjaanya ramai. Jadi kalau tidak pekerja-pekerja ini nanti boleh hilang pekerjaan, boleh hilang mata pencarian, cari makan, tetapi kalaulah ditumpu kepada syarikat-syarikat yang ada potensi insya-Allah tujuan menubuh Danaharta Nasional Berhad ini akan berjaya.

Berertinya kita hendak pengusaha Danaharta Nasional ini mesti menumpu kepada objektif tadi, kalau hendak ditumpu kepada menolong peribadi, maknanya lebih kepada hendak menolong individu-individu tertentu. Kerana dia istimewa maka Danaharta nanti tidak akan mencapai matlamat, tetapi kalau Danaharta ini ditubuh benar-benar digunakan untuk menolong syarikat-syarikat yang ada potensi, ada harta, ada aset ada liability, dan apabila dibaikpulih, boleh maju ini yang sepatutnya menjadi sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka hendak menyebutkan juga, sebenarnya apa yang terjadi di mana bank kita tidak mempunyai kecairan, makna tidak ada duit, bukan sahaja kerana non-performing loan tetapi penyimpan-penyimpan sebelum ini pun bawa lari duit keluar dari Malaysia apabila kegawatan ekonomi. Yang paling besar masalahnya ialah apabila Singapura menaikkan kadar interest sampai kepada 26% yang menyebabkan saya difahamkan, berbilion ringgit berpindah duit Malaysia ini berpindah ke institusi kewangan Singapura.

Di sinilah kita rasa dukacita di atas sikap Kerajaan Singapura, walaupun ini urusan bank tetapi bank pun dari segi interest dikawal oleh kerajaan, oleh Bank Nasional Singapura tetapi kita dapati Singapura apabila melihat ada negara-negara menghadapi masalah dari segi kejatuhan nilai Ringgit seperti Malaysia, maka Singapura yang menjadi financial hub yang menjadi financial centre di kalangan negara Asia telah mengambil kesempatan menaikkan interest. Manakala mereka tahu dengan kenaikan interest yang begitu tinggi akibatnya penyimpan-penyimpan membawa wang tersebut lari ke Singapura.

Sikap Singapura ini, bukan sahaja masalah Tanjong Pagar, bukan sahaja masalah Pulau Batu Putih, bukan sahaja masalah Keretapi Tanah Melayu, masalah pencarum-pencarum KWSP warganegara Malaysia, masalah akhbar-akhbar di Singapura yang mengkritik KLIA, pelabuhan dan seumpamanya, tetapi yang paling besar saya lihat ialah apabila mereka menaikkan interest dengan tidak consult, dengan tidak menggunakan pendekatan semangat kejiranan, sebab Singapura tahu, sedikit perbezaan dari segi interest boleh merombak kedudukan struktur kewangan sesebuah negara. Dan tindakan Singapura ini sudah melampau dan sememangnya kita tahu Singapura sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, saya nampaklah ia hendak jadi 'Israel Timur Tengah' bagi kawasan Asia.

Dia hendak jadi Israel di Timur Tengah walaupun sebuah negara kecil tetapi mereka ini angkuh kononnya mereka maju, mereka ini pusat kewangan ataupun financial hub, mempunyai berbagai-bagai kekuatan tentera kononnya, tetapi pada masa yang sama telah menunjuk keangkuhan dalam banyak hal. Dan bila ia tunjuk keangkuhan pula dengan Malaysia, Malaysia dengan Singapura ini sepatutnya Singapura kena anggap Malaysia ini sebagai abang, samalah Malaysia menganggap Indonesia sebagai abang, sebab Indonesia itu besar. Pada Malaysia, Indonesia itu brothers, pada Malaysia pula dengan Singapura, Malaysia boleh dianggap abang, Singapura ini adik, sebab Singapura asalnya dalam Malaysia, kerana ehsan Malaysialah kita benarkan dahulu Singapura merdeka. Singapura hidup sampai hari ini pun bergantung kepada Malaysia.

Tetapi apabila sudah besar, sudah canggih, sudah maju maka mereka boleh berbuat sesuka hati. Memang benarlah sebab mereka menghadapi masalah air, masalah air yang tamat tidak lama lagi, mereka kaitkan dengan semua masalah, sehingga seolah-olah bertindak untuk menunjukkan kekuatan dan keangkuhannya apabila menaik kadar interest di bank pun tanpa merujuk kepada kerajaan Malaysia ataupun Bank Negara.

Sekurang-kurangnya kalau mereka ada semangat kejiranan mereka tahu 26% dinaik interest dengan beza dengan Malaysia, memanglah sesiapa sahaja ada wang simpanan tetap di mana-mana bank institusi kewangan dalam negara kita akan bawa lari keluar ke Singapura sebab untungnya banyak. Akhir sekali, bila penyimpan di bank, institusi kewangan sudah kering, pindah ke Singapura, selepas itu bank pula tidak boleh mengutip pinjaman balik yang kita lihat NPL begitu tinggi, tentulah kita sudah menghadapi masalah yang besar.

Walau apa pun alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. banyak pihak cemburu dengan Malaysia bukan sahaja negara Barat termasuk juga Singapura yang sudah bercita-cita untuk menjadi Israel di Timur Tengah bagi kawasan Asia, Israel di Asia ini tetapi dalam pada itu kita terus maju, kita terus kuat, kita terus kukuh kerana apa, kerana sikap rakyat Malaysia yang bersatu padu menyokong kerajaan yang ada pada hari ini. Walaupun kita masyarakat majmuk, saya cukup senang hati membaca kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin komponen Barisan Nasional daripada MCA, daripada MIC daripada Gerakan, parti-parti di Sabah dan Sarawak, semuanya menyatakan sikap yang cukup tegas apabila berhadapan dengan Singapura. Ini menunjukkan kita mempunyai kekuatan. Negara-negara Barat, akhbar-akhbar daripada Barat nyata sekali nampak mereka agak kecewa, sebab sudah hampir setahun lebih mereka dapat bertahan dan hari ini walaupun syarikat-syarikat yang kita dapati ada masalah, bank-bank tidak mempunyai kecairan mereka berharap dan mereka merasakan kemungkinan ada institusi kewangan di Malaysia akan ditutup, akibat dari masalah ini, tetapi sampai hari ini kita lihat tidak ada sebuah bank pun, institusi kewangan pun pada masa sekarang ini yang menghadapi masalah sampai ditutup

seperti di Indonesia manakala di negara kita alhamdulillah boleh diatasi oleh pihak kerajaan negara kita.

Inilah keistimewaan negara kita, asasnya ialah kerana perpaduan kaum, asasnya ialah kerana keyakinan rakyat kepada sistem kewangan kita. Rakyat memberi sokongan dan kepercayaan yang tidak berbelah bagi kepada kerajaan, kepada institusi kewangan, bank-bank dan seumpamanya. Oleh hal demikianlah, kita berharap kepercayaan ini akan berterusan di mana apabila kerajaan membentuk Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sekali lagi kita percaya, rakyat memberi sokongan dan kepercayaan, kerana jaminan yang dibuat oleh kerajaan bahawa Danaharta Nasional ini akan ditadbir dengan secara telus, profesional dan berkesan.

Inilah yang kita harapkan. Janganlah kita sia-siakan RM25 bilion yang hasilnya daripada bon nanti yang akan dijual dan dijamin oleh kerajaan tidak disia-siakan. Biarlah matlamatnya nanti, nawaitunya jelas, bahawa ianya bukan untuk menolong mana-mana individu, matlamatnya ialah untuk menolong syarikat-syarikat yang berpotensi supaya berkembang maju, membantu membangun negara, rakyat mendapat peluang pekerjaan dan pada masa yang sama bank kita terus menjadi kukuh di mana mereka dapat mengeluarkan pinjaman-pinjaman yang mudah untuk usahawan-usahawan dan peminjam-peminjam yang berpotensi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

5.25 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman : Tuan Yang di Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-Undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang dibawa oleh pihak kerajaan sebentar tadi.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan, kerana masih tidak terlewat bagi kita menentukan sistem perbankan negara kita ini

dibaikpulihan kembali dan untuk itu apabila wujudnya Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 ini kita mengharapkan segala hutang-hutang yang mempunyai potensi tetapi tidak terbayar dalam sistem perbankan dapat ditebus oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad untuk menentukan supaya kecairan akan terus mengalir dalam sistem perbankan. Kerana ini akan merupakan satu masalah yang amat besar, kalau sekiranya ekonomi hendak dipulihkan tanpa kita bergantung kepada bantuan daripada IMF atau Dana Kewangan Antarabangsa yang pasti kita buat ialah menentukan sistem perbankan di negara kita ini menerusi bank-bank, syarikat-syarikat insurans dan syarikat-syarikat kewangan mampu meneruskan kegiatan-kegiatan pemberian kredit kepada yang kecil dan besar untuk menggerakkan ekonomi semula.

Kita sudah mendengar tadi bahawasanya KDNK negara kita akan menguncup sehingga 1.8% dan saya diberitahu dan ada para penganalisis mengatakan ianya mungkin sampai kepada 2% atau 2% lebih negatif pada tahun 1998 ini. Ini membimbangkan, kalau kita hendak mempertahankan negara, daripada satu lagi pendekatan kolonial, iaitu kolonial peringkat antarabangsa, menerusi badan-badan antarabangsa seperti Bank Dunia dan juga IMF kita terpaksa memperkuatkan lagi ketahanan ekonomi negara kita. Tetapi Tuan Yang di Pertua, saya mempunyai kebimbangan sedikit, kerana dalam keadaan kita hendak menegakkan satu pendekatan baru-baru ini agensi penarafan antarabangsa, kita tengok Moody's, kita tengok Standard & Poor, dan kita pernah menyebutkan perkara-perkara ini dalam Dewan ini, mula menurunkan taraf, penarafan kita telah turun daripada A2 kepada BAA2, maknanya dah turun, dua tiga mata dah turun, kerana apa? Kerana kita sekarang cuba mencari punca kewangan peringkat antarabangsa dan apabila penarafan kita diturunkan bererti kemampuan kita untuk diterima oleh pasaran kewangan antarabangsa pun turut berkurangan. Adakah ini akan merupakan satu agenda yang tersembunyi bagi mereka hendak menentukan supaya kita gagal untuk mendapatkan punca kewangan di peringkat antarabangsa. Perdana Menteri kita pernah mengatakan

perlunya wujud architecture international financial framework, tetapi sampai sekarang masih belum wujud lagi.

Kita sekarang masih berdepan dengan sistem kewangan antarabangsa di mana mata wangnya diputarbelitkan oleh spekulator kerana tidak mempunyai pengawasan yang bertaraf antarabangsa bagi menentukan ianya tidak dapat menggugat sistem kewangan mana-mana negara.

Justeru itu, saya ingin mengutarakan di sini pada pihak kerajaan supaya menerusi penggabungan pemikiran kita, menerusi badan-badan antarabangsa mewujudkan satu agensi penarafan antarabangsa yang neutral, yang tidak ada mempunyai kepentingan Wall Street, mana-mana pasaran, bank, investor, yang khusus ditubuhkan menerusi badan-badan antarabangsa, badan-badan bersatu, menerusi IMF atau lain-lain, patut diwujudkan satu agensi penarafan peringkat antarabangsa untuk seluruh dunia kerana kita sangsi dengan apa yang dibuat oleh Moody's, kita sangsi dengan apa yang dibuat oleh Standard and Poor dan agensi-agensi yang lain. Kita tahu pada suatu ketika apabila ekonomi kita melambung dari segi pembangunannya, dari segi ekonomi yang membangun 7%-8%, semua agensi ini mengatakan kita kuat kerana fundamental kita kuat tetapi apabila meletusnya 2 Mei atau 2 Julai 1997 satu ledakan kewangan antarabangsa yang terus memporak-perandakan keadaan ekonomi serantau, semua penganalisis, semua agensi penarafan menuding jari menunjukkan bahawa nilai timur yang dahulunya mengharimaukan ekonomi kita sekarang ini mengeow seperti kucing dan penarafan yang diturunkan sehinggakan ini apabila kita hendak menuntut supaya pasaran dunia memberi kita kesempatan mencari RM25 bilion, penarafan kita pun terus menjunam sedikit bawah supaya pasaran dunia kewangan antarabangsa tidak dapat menerima bon-bon kita dengan harga yang berpatutan.

Pada masa yang sama, saya juga hairan kerana aset-aset yang hendak kita ambil alih adalah aset-aset yang berpaksi kepada ringgit. Saya tidak tahu apabila kita mencari wang di peringkat antarabangsa – dolar, yen atau deutschmark, dengan nilai-

nilai yang sekarang ini begitu terumbang-ambing apabila kita mempunyai bon peringkat mata wang (currency) antarabangsa, membeli aset, menebus aset peringkat negeri berkemungkinan besar Pengurusan Danaharta Nasional Berhad akan berdepan dengan satu lagi masalah mata wang apabila wujudnya perbezaan apa yang kita pinjam dan apa yang kita beli, tahap tukaran wang asing sekarang ini kita tengok pound dekat-dekat sampai \$7, \$6.70; begitu juga dengan Dolar Amerika \$4, \$4.20 balik kepada \$4. Pada masa sekarang kalau kita pergi untuk menjual bon kepada pasaran dunia dengan mata wang asing ini, saya tidak tahulah kerajaan terpaksa meminjamkan hedging yang begitu kuat bagi menentukan pada masa hadapan apabila kita terpaksa menebus kembali bon-bon ini, apabila aset kita telah dijual dengan harga tempatan dengan menggunakan mata wang ringgit, Danaharta Nasional berhad tidak berdepan dengan kerugian yang besar kerana kita mempunyai pendedahan (exposure) kepada pertukaran mata wang asing dengan bon-bon yang terpaksa kita pasarkan di peringkat antarabangsa.

Jadi dalam hal ini saya hendak tanyalah kepada pihak kerajaan kalau sekiranya kita mempunyai bon-bon yang dibeli ataupun yang kita ambil di peringkat pasaran mata wang antarabangsa, bagaimana caranya kita hendak menentukan supaya hartanah ini tidak berdepan dengan kerugian apabila kita memberes dan menyelesaikan bon-bon ini nanti.

Saya juga amat tertarik dengan tindakan kerajaan kerana apabila kita memberikan kecairan yang lebih besar kepada sistem perbankan, kita juga pada masa yang sama hendak menentukan supaya dana-dana yang diwujudkan oleh kerajaan yang lain, saya dengar pagi tadi ada disebutkan kita ada RM5 bilion dari segi dana prasarana. Kita dengar dana makanan RM1 bilion lebih, campur punya campur dekat-dekat RM10 bilion yang baru ini – dana IKS (Industri Kecil dan Sederhana), semuanya diumumkan oleh pihak kerajaan. Berkali-kali diumumkan oleh pihak kerajaan tetapi pada masa yang sama, mereka yang sepatutnya menerima habuan daripada dana-dana ini pada masa sekarang masih belum lagi menerimanya. Adakah

ini dari segi prosesnya ataupun sistem perbankan ini tidak menerima apa yang diusulkan oleh pihak kerajaan.

Kita hendak tahu bank mana yang tidak menerima arahan daripada kerajaan kerana wang ini disediakan oleh Bank Negara menerusi sistem perbankan yang ada. Kalau sekiranya ada dan wujud bank-bank, cawangan-cawangannya sekali yang tidak mampu mengikuti arahan kerajaan bagi hendak menebus ekonomi negara kita, kita terpaksa mengambil tindakan yang lebih kuat lagi. Saudara Senator saya di depan menyatakan – tarik lesen dia balik. Ini perlu, kita perlu wujudkan kerjasama antara sistem perbankan yang wujud menerusi pengawasan yang dibuat oleh Kementerian Kewangan dan juga Bank Negara Malaysia. Mereka sepatutnya akur kepada dasar-dasar yang diumumkan oleh pihak kerajaan, kalau tidak apa pengumuman sekali pun kita buat ianya merupakan satu rhetoric sahaja dan yang merana dan merasa adalah mereka yang memerlukan micro credit ini, orang-orang bawahan yang hendak menggerakkan aktiviti ekonomi berasaskan kepada kewangan, kredit, micro credit, terutamanya kepada mereka di kampung, di luar bandar, daripada bandar-bandar kecil kerana kita mahukan mereka menggerakkan nadi ekonomi itu kembali yang berpaksi kepada sistem yang mempunyai kecairan yang cukup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan apabila bank-bank ini dibebaskan daripada mengurus hutang-hutang yang tidak dapat dibayar ini mereka mempunyai fokus yang baru (refocusing) pengurusan ini mempunyai fokus yang menjuruskan fikiran kepada aset-aset baru yang hendak dibiayai termasuklah mengendalikan sistem micro credit kepada mereka yang dapat menggerakkan ekonomi di setiap lapisan terutama sekali di peringkat bawahan. Maka barulah bergerak nadi ekonomi kita kembali ke arah baikpulih yang dapat kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan sahabat saya tadi Senator Datuk Ibrahim Ali yang mengatakan yang penting apabila kita mengambil alih aset-aset ini yang kebanyakannya mempunyai keupayaan untuk dibaikpulih yang pentingnya ialah pengurusan. Kalau pengurusan dibuat secara *ad hoc*, secara jawatankuasa, saya

tidak nampak bagaimana RM25 bilion yang menguasai aset-aset baru yang kita hendak baikpulih ini dapat kita tingkatkan keupayaan untuk dibaikpulih kalau tidak mempunyai komitmen pengurusan yang kuat, yang berkaliber, yang mempunyai entrepreneur approach kerana untuk membaikpulih, faktor turn around ini semuanya mempunyai pendekatan entrepreneur, pengusaha-pengusaha. Kita tidak boleh mengambil orang yang duduk di meja-kerusi, di hawa dingin, meneropong dari jauh – hands on management.

Jadi penelitian jawatankuasa sahaja terpaksa menentukan pengurusan yang hendak mengambil alih aset-aset ini mempunyai kebolehan, kemampuan yang telah pun dapat dijelaskan kepada kita. Kalau hendak ambil orang-orang baru yang tidak mempunyai pengalaman, yang tidak mempunyai pendekatan secara usahawan pengusaha-pengusaha, saya bimbang hendak baikpulih aset ini akan mengambil masa yang panjang terutama sekali dalam keadaan ekonomi sekarang ini dan selama mana hartanah dapat mempertahankan. Saya hendak tanya pihak kerajaan sejauh mana dengan RM25 bilion ini kalau ambil bon dengan harga yang tinggi, sekarang ini kerana penarafan kita telah diturunkan oleh Moody's dan Standard and Poor, sejauh mana mereka dapat mempertahankan untuk menguruskan aset-aset ini sehingga ianya dibaikpulih – 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun, apakah jangkaan pihak kerajaan bagi menentukan ianya dapat dibaikpulih dan sejauh mana, sampai bila? Mesti ada had masanya kerana bon yang kita ambil itu mempunyai trans-trans tertentu dan dengan tahap-tahap faedah (interest) tertentu.

Jadi untuk hendak menyamakan keupayaan kita membayar balik ianya terpaksa diiringkan (parallel) disamakan dengan kecairan aset-aset yang kita ambil alih, dibaikpulihkan bila? Waktu mana, 2 tahun, 3 tahun, 10 tahun, ini perlu sebab itulah satu penyelidikan khusus terpaksa dibuat ke atas aset-aset yang diambil alih yang dapat menentukan jangkamasa-jangkamasa yang tertentu – 3, 5, 7, 10 tahun dan disamakan pula dengan bon-bon maturity kita untuk masa mana, jangka mana? Kalau sekiranya ada imbalance, ianya tidak seimbang, saya bimbang kerugiannya nanti akan

ditanggung oleh hartanah dan kita tidak mahu badan-badan berkanun, syarikat berkanun ini ditimpa kerugian yang sepatutnya ditimpa oleh sistem perbankan. Kita tidak mahu mengalih beban yang sepatutnya diambil alih, dipikul oleh bank, hartanah ambil alih, lepas itu kita pula dengan RM25 bilion kita hutang - pinjam tadi, kita pula dibebankan dengan begitu teruk sehinggakan ianya merupakan beberapa peratus daripada KDNK kita, RM25 bilion kalau kita dapat terhapus daripada aset kita, ini akan merupakan keadaan yang amat tenat sekali.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mengharapkanlah pendekatan ini dapat dibuat dengan penuh ketelusan dan syarikat-syarikat yang diambil alih dan aset-aset yang diurus mempunyai ketelusan dan corporate governance yang tinggi yang tidak akan menimbulkan kecurigaan mana-mana pihak. Pada masa yang sama apabila kita mengambil alih aset-aset dan juga hutang-hutang yang belum dibayar yang tidak dapat dibayar daripada sistem perbankan ini, kualiti-kualiti profesional orang-orang yang bertauliah dari segi penilaian, dari segi akauntannya, dari segi corporate lawyernya mestilah mempunyai kebolehan yang telah pun diduga kita tidak boleh ambil kerana ini RM25 bilion, aset-aset seluruh sistem perbankan saya rasa berjumlah begitu tinggi juga dan banyak sektor hartanah, sektor pertanian, sektor pembuatan, banyak sektor. Kemahiran profesional ini terpaksa kita juruskan, akauntan A ambil pembuatan, B ambil hartanah, C ambil pula sektor pertanian dan sebagainya kerana mereka sendiri mempunyai pengurusan. Jadi pihak kerajaan mesti mengenal pasti akauntan mana yang mempunyai pengkhususan dari segi mana untuk mengaudit, apabila kita ambil alih kita kena audit mengikut maklumat yang terkini bukan maklumat enam bulan dahulu, dan sekarang banyak syarikat yang tidak menepati janji mereka kepada Security Commission. Yang tidak mempunyai maklumat, akaunnya tidak dapat dibentang kepada pemegang-pemegang saham dan kalau mereka juga meminjam wang dengan bank tidak dapat dibayar, bagaimana pihak hartanah dapat menentukan sebenarnya nilai aset pada waktu yang mereka hendak mengambil alih.

Jadi kerja-kerja untuk akauntan, kerja-kerja untuk corporate lawyer, kerja-kerja untuk penilai, banyak. Soalnya kalau kita hendak cepat, banyak kerja hendak buat, bagaimana kita hendak menentukan kualiti yang benar-benar dapat dipertanggungjawabkan. Ini kerja yang amat berat untuk hartanah dan tidak hanya tertumpu kepada jawatankuasa sahaja. Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, ramai yang terlibat, maruh negara, kekuatan ekonomi negara bergantung kepada jayanya hartanah mengambil alih aset-aset dan hutang-hutang yang tidak dibayar. Di situlah akan menguatkan lagi kecairan kepada sistem perbankan untuk menggerakkan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyerulah kepada pihak kerajaan berhati-hatilah dalam kita membuat pendekatan yang sebegini besar seperti satu tour de force, satu pendekatan yang amat radikal, yang amat besar dan implikasinya juga amat besar, jadi tanggungjawab ini terpaksa diteliti dengan baik supaya kejayaan yang dapat diterima oleh semua pihak. Risiko yang kita hadapi kerangka risikonya mempunyai banyak level. Saya hendak tahu setakat mana pihak kerajaan menerusi hartanah akan mengambil alih, risiko setakat mana? Kerana dalam aset-aset yang kita hendak ambil alih ini, hutang-hutang yang tidak dapat dibayar ini tahap (level) risikonya berbeza-beza. Sejauh mana pihak kerajaan akan menerusi untuk mengambil alih, setakat mana? Adakah ia mempunyai 60% level of tolerance, dengan izin, 90%, 50%, kita hendak tahu kerana RM25 bilion ini terpaksa digunakan dengan begitu baik dan kita hendak tahu tahap apakah pihak kerajaan mampu untuk menerokai dan mengambil alih aset ataupun hutang-hutang yang belum dibayar ini. Kalau mempunyai level of tolerance yang rendah saya bimbang pula kita selalu keterlaluan dan ini akan mengakibatkan kerugian yang akan ditimpa oleh hartanah dan ini bukannya tujuan kerajaan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuka luas sistem ekonomi kita pertama sekali yang akan menjadi sasaran dunia ialah sistem perbankan. Kerap kali pihak kerajaan mengumumkan bank mana akan bergabung dengan siapa dan pada suatu

ketika telah memberikan tarikh, pada 31 Jun misalnya, semua bank terpaksa bergabung, A dengan B, C dengan D dan sebagainya. Tetapi setakat ini saya rasa bimbang adakah perkara ini berterusan ataupun ianya hanya merupakan satu teguran, satu pandangan tetapi dari segi impak dan implikasinya belum lagi dirasai oleh sistem perbankan kita. Kita tahu di Korea sudah wujud, bagaimana syarikat-syarikat tertentu digabungkan untuk membuatkan mereka lebih besar sebagai satu gergasi yang mempunyai ketahanan kewangan untuk berdepan dengan saingan di peringkat antarabangsa. Di Jepun pun sudah ada dan kita berterima kasih kepada Perdana Menteri baru Obuchi mengambil Menteri Kewangan, bekas Perdana Menteri mereka, Miyazawa menjadi Menteri Kewangan, kita berterima kasih kerana memberikan bantuan dan pandangan kepada pembangunan Asia seluruhnya terutama ASEAN. Kita juga berterima kasih dan ucap tahniah kepada China, People's Republik of China kerana tidak menurunkan Xuan, kalau mereka menurunkan Xuannya merundum, kita juga akan terlibat seluruh Asia akan tergugat, kita berterima kasih kerana semuanya ini ialah tolong menolong antara satu negara dengan negara yang lain seluruh rantau Asia kerana kita ini merupakan satu rumpun, merupakan satu sasaran. Begitu juga bank-bank di Singapura juga bergabung, di Thailand pun bergabung.

Saya hendak tanya sekarang ini apakah gerakan penggabungan sistem perbankan negara kita, bank mana bergabung dengan siapa? Kerana bank-bank yang ada sekarang ini masih belum kuat bagi berdepan dengan tekanan-tekanan pasaran bebas kewangan antarabangsa kerana kita belum wujud lagi 'Architecture International Financial Frame Work' seperti yang kita sebut beberapa kali di peringkat antarabangsa dan juga di negara kita. Sebelum wujudnya itu terpaksa kita menguatkan teras kekuatan paksi bank kita di sini menerusi penggabungan antara bank dan bank, syarikat insurans dan syarikat broker di negara kita. Jadi kalau dapat pihak kerajaan memberitahu kita salah satu cara untuk menguatkan sistem perbankan kita ialah penggabungan, siapa hendak bergabung dengan siapa?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita amat sedar ada bank-bank, Bank Bumiputera misalnya, saya diberitahu kali ketiga sekarang ini merundum dari segi asetnya, teruk sangat, dahulu Bank Bumiputera yang ditubuhkan menerusi Kongres Bumiputera 1965 wujud BMF? Saya sudah lupa. BMF masalah merundum dari segi ekonomi, selepas itu Petronas masuk pam bilion-bilion. Saya lihat baru-baru ini, tahun lepas ia sama dengan Sime Bank pun teruk, RM650 bilion, RM650 juta kekurangan. Soalnya sekarang adakah Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah pihak pengurusan masih wujud yang sama? Ataupun sudah tukar, sebab kita mempunyai ketulusan. Kalau pun syarikat yang dipunyai oleh kerajaan yang mempunyai saham-saham yang dipegang oleh Kementerian Kewangan, kalau sekiranya mereka ini berdepan dengan masalah diakibatkan oleh pengurusan mereka kita kena ubahsuai tetapi saya tidak dengar lagi berita-berita yang mengatakan bank-bank tertentu telah diubahsuai, pengurusan baru masuk kerana kita katakan tadi kita hendak menguatkan bank-bank yang ada sekarang ini, kita hendak ambil alih NPL, kita hendak mengambil aset-aset yang teruk, pengurusan yang ada dalam bank kena tukar, kalau perlu dan saya rasa ada bank-bank yang perlu ditukar dari segi pengurusannya dan buat segera, kalau tunggu lama lagi banyak kemerosotannya.

Jadi, saya hendak tahu pihak kerajaan, Kementerian Kewangan terutamanya yang mengawasi semua ini adakah pengurusan di sana telah pun kita tentukan check and balance wujud, kita hendak check and balance kerana saya diberitahu tadi jawatankuasa kuasa-kuasa Bahagian VI menunjukkan pelbagai sistem check and balance yang akan wujud untuk hartanah untuk yang RM25 bilion tadi, tetapi sistem yang ada sekarang ini terpaksa dibuat dengan segera kerana kegawatan telah berlalu selama setahun tetapi masih lagi kita tidak dengar pertukaran pengurusan yang hebat di peringkat bank dan sistem kewangan yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu kita buat dan kita tidak mahulah nanti ada orang yang hendak menegur, pihak pembangkang memang suka menegurlah, oh kononnya hartanah juga mempunyai intervention dari segi telefon-telefon dan surat-surat kecil

dihantar, ambil yang ini dan ambil yang itu, kita tidak mahu. Keputusan yang dibuat secara profesional oleh hartanah ini nanti tidak diganggu-gugat oleh mana-mana pihak, penuh ketelusan dengan kekuatan corporate governance yang wujud sekarang, yang kita hendak ketengahkan, yang hendak kita tingkatkan, kita hendakkan semuanya itu 'open book' - buku terbuka, tidak siapa yang mengganggu-gugat keputusan profesional yang dibuat dan risiko yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita mengharapkan kerana ini adalah merupakan satu pendekatan yang amat radikal bagi kita, kita tidak perlu IMF, kita sendiri menjadi IMF kepada negara kita, sebab itulah saya di sini hendak mengucapkan tahniah juga kerana kita dapat tahu Yang Berhormat Tun Daim dilantik sebagai Menteri tanpa Portfolio khusus bagi menjalankan kerja-kerja MTEN di peringkat negara kita ini, syabas!

Saya hendak tahu juga kalau hartanah mempunyai kakitangan mereka dan tujuannya hendak membaik pulih ekonomi dengan secepat mungkin, setahun, dua tahun atau tiga tahun, ini menteri yang hendak mengambil alih dari segi pengawasan pembangunan ekonomi, siapa dia yang mengendalikan-nya, takkan Tun Daim seorang sahaja, takkan EPU sahaja, takkan Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia sahaja kerana pendekatannya mesti menyeluruh, hartanah satu unit, Danaprasarana satu unit, banyak unit lagi yang akan digerakkan bersama, pengawasan MTEN itu sendiri.

Saya tidak nampak ketua setiausaha MTEN, kita dengar hanya Executive Director MTEN - Tun Daim, lepas itu diambil pula EPU dan mungkin Bank Negara Malaysia sebagai jawatankuasa, saya rasa ini tidak boleh ada jawatankuasa lagi, kita memerlukan tindakan pengurusan berterusan, mengaudit operasi, operational audit kena jalankan kerana menyusul tindakan-tindakan, cadangan-cadangan. Saya lihat cadangan bukan main hebat, baik, merangkumi, komprehensif, tetapi untuk menjalankan cadangan-cadangan itu Tun Daim sendiri memerlukan kakitangan yang bergerak khusus bagi menentukan kegiatan-kegiatan ini dapat dibuat dan membiarkan kementeriannya wujud menjalankan kerja-kerja seharian, fasal MTEN dengan tugas-

tugas dan bidang kuasanya lain peranannya, tidak dicampuradukkan dengan tugas Kementerian Kewangan yang tersendiri, UPEN, EPU dengan kerja-kerja penswastaaan yang berjalan di situ, kita hendakkan satu bukan jawatankuasa, satu kumpulan yang credible, yang boleh dipercayai menggerakkan untuk menentukan segala cadangan-cadangan yang dibawa kepada Kabinet, yang ditimbulkan oleh Kabinet dapat dijalankan.

Saya tidak tahulah bagaimana misalnya Danaharta yang diumumkan oleh pihak kerajaan, siapa yang menentu, siapa yang mengawasi mereka ini telah diberi kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan sebagainya, siapa yang menentukan, kalau Bank Negara Malaysia tidak dapat mengawasi, mungkin kita memerlukan pegawai-pegawai tugas khas, selain daripada Menteri Tugas-tugas Khas bagi menentukan supaya semuanya ini dapat berjalan, kalau tidak, dengan izin, it remains a rethoric, tidak ada tindakan, on the ground tidak nampak kesannya, jadi tugas-tugas khas kalau perlu diwujudkan - wujudkanlah bagi kepentingan pembangunan negara, memulihkan kembali ekonomi negara.

Saya lihat tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengganggu kepalanya mungkin tanda bersetuju. Jadi, kita perlu ini, kita perlu ketegasan dan pengawasan bagi menentukan setiap cadangan yang kita buat, sebenarnya berjalan mengikut jadual kerana kita sekarang ini mengejar satu tarikh yang tertentu yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa selia, jawatankuasa MTEN dan sebagainya mestilah dirombak semula untuk menentukan wujudnya pegawai-pegawai yang mengawasi dan menjalankan kerja-kerjanya secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong dasar yang dibuat oleh kerajaan ini Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998, semoga Allah S.W.T. menguatkan ekonomi kita dan meneruskan kejayaan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah.

5.55 ptg.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya. Saya telah meneliti dan mengamati Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 dan saya amat berbesar hati sekiranya penjelasan dapat diberi berhubung dengan peruntukan kuasa perbadanan sebagaimana yang terdapat dalam seksyen 4(1), 13(4) dan 14(1). Penjelasan ini amat penting untuk mengelak dari berlakunya penyalahafsiran yang akan memberi makna atau maksud yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum dalam kegawatan ekonomi sekarang, kadar pertumbuhan ekonomi yang dijangka 8% akan menjadi suatu igauan sekiranya pihak kerajaan tidak berupaya untuk mencari alternatif lain untuk menyelamatkan krisis dan kegawatan yang berpunca daripada hutang-hutang yang tidak dibayar akibat pinjaman yang disalurkan kepada sektor yang tidak berproduktif. Manakala usaha penjualan bon ke peringkat nasional terpaksa ditangguhkan kerana pihak pelabur asing masih tidak berkeyakinan terhadap kegawatan dan keupayaan pihak kerajaan sebagai penjamin. Matlamat penubuhan Danaharta untuk membantu menubuhkan ekonomi negara merupakan satu langkah yang positif yang wajar sekiranya dapat diuruskan untuk kepentingan nasional dengan amanah, efisien dan adil.

Kita akan merasa dukacita sekiranya Danaharta hanya sekadar menjadi pusat atau tempat lobi untuk menyelamatkan individu atau syarikat yang berkemungkinan akan tenggelam. Sehubungan itu, bagi mengelakkan kerajaan sendiri turut menjadi tenggelam dan hanyut, maka Danaharta sewajarnya disalurkan kepada syarikat pengeluar untuk kepentingan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan seksyen 16(1) didapati Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini diberi kuasa yang luas hingga caveat boleh di tolak atau dikira beres apabila suatu syarikat diambil alih oleh Danaharta. Walau bagaimanapun, dari aspek undang-undang persoalan ini masih belum dapat dipastikan keesahannya dari segi percanggahan dengan undang-undang lain kerana ianya masih belum ada pihak yang mencabar ke mahkamah.

Bagi membantu dan memulihkan ekonomi negara, kesan kemasukan modal luar adalah baik. Walau bagaimanapun, kerajaan harus mengenalpasti dan mengumumkan syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak sumber dana asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sudah pasti tidak mahu syarat-syarat yang dikenakan akan mengikat kita sebagaimana syarat-syarat yang dikenakan oleh IMF kepada Thailand, Indonesia dan Korea di mana kedudukan ekonomi negara berkenaan seolah-olah menjadi suatu bebanan yang semakin merumitkan untuk diatasi walaupun disuntik dengan dana asing sekali lagi. Kita tidak mahu Pengurusan Danaharta yang tidak adil berlaku kerana wang penyelamat ini akan mengorbankan pembiayaan kumpulan yang lebih luas kerana disalurkan untuk menyelamatkan golongan korporat ataupun golongan elit. Saya bimbang akhirnya akan timbul cerita Robin Hood, cerita baru yang berperanan sebaliknya iaitu mengambil hak orang miskin untuk menyelamatkan golongan kaya dan bukan mengambil harta golongan kaya untuk dimanfaatkan oleh golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku kecairan atau berlebihan wang beredar di pasaran, saya khuatir akan mengakibatkan

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak minta laluan.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ustazah Hajah Jamilah, Robin Hood ini dia ambil hak orang kaya beri kepada orang miskin. Ustazah kata ambil hak orang miskin beri kepada orang kaya, yang itu bukan Robin Hood. Robin Hood ambil hak orang kaya dan memberi kepada orang miskin, adakah maksud Robin Hood sebegitu? Sebab saya hendak menjawabnya nanti. [*Ketawa*]

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, dunia hari ini dalam zaman globalisasi mungkin ada, mungkin hari ini tidak ada Robin

Hood mengambil harta orang kaya beri kepada orang miskin, tetapi andai kemungkinan cerita-cerita baru yang dicreatekan, itu saya buat andaian awal, mungkin ada Robin Hood dalam cerita baru akan mengambil harta orang kaya dan beri kepada orang kaya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita panggil 'Hood Robin'lah pula! [*Ketawa*]

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Ya, Hood Robin. Terima kasih, kita boleh ubahkan kepada Hood Robin. Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, apabila berlaku kecairan atau berlebihan wang beredar di pasaran, saya bimbang akan mengakibatkan berlakunya inflasi dan seterusnya langkah kerajaan untuk mewujudkan inflasi sifar tidak akan berjaya. Kesannya kehidupan rakyat yang miskin bukan sahaja tetap miskin tetapi akan terus berbeban dengan kos sara hidup yang tinggi.

Sehubungan itu, saya amat mengharapkan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini akan dapat diuruskan dengan penuh rasa bertanggung-jawab dan amanah, bukan untuk kepentingan golongan tertentu, tetapi untuk manfaat seluruh rakyat jelata khasnya dan negara amnya. Baginda Rasulullah ada berpesan kepada kita [*Membaca sepotong Hadis*] yang bermaksud "setiap seseorang dari kamu mempunyai tanggungjawab dan setiap orang yang bertanggungjawab akan disoal selidik dengan tugas dan tanggungjawab kamu".

Memandangkan hadis ini merupakan suatu peringatan awal oleh Baginda Rasulullah s.a.w. kepada umatnya dalam semua peringkat seperti ibu bapa, suami isteri, ketua-ketua jabatan lebih-lebih lagi pengurus bagi sesebuah kerajaan, maka tanggungjawab ini merupakan suatu amanah yang begitu besar di sisi Allah S.W.T., mungkin implikasi di dunia ini akan terlepas tetapi perlu diingatkan tentang pembalasan di hari akhirat akan datang pasti kita akan temui. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustaffa Kamal.

6.04 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun bersama-sama dengan rakan di Dewan yang mulia ini, mengambil sedikit masa untuk membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998, Kertas Dewan Rakyat 17/98.

Sebagaimana sahabat-sahabat kita memberi hujah, saya juga perhatikan bahawa perlantikan yang akan dibuat nanti diharapkan begitu telus iaitu transparent, kita mengkaji dahulu jawatankuasa selia itu benar-benar berkemampuan, benar-benar bertanggungjawab dan benar-benar ikhlas kerana pada masa sekarang kalau hendak kita bilang dengan jari tokoh-tokoh korporat dan syarikat-syarikat yang tenat, saya rasa tidak cukup jari kita hendak kita bilang kerana boleh dikatakan hampir 75% daripada ahli-ahli korporat ataupun syarikat-syarikat yang besar-besar ini menghadapi masalah kewangan. Kita lihat sahaja yang disenaraikan dalam pasaran saham mahupun papan pertama ataupun papan kedua, bayangkanlah pada hari ini kita pun naik terkejut waran sampai 7 sen daripada RM1,000 waran itu tinggal dengan RM70, ke manakah lari lagi RM930, saya hairan pada minggu sudah, ada yang tercatat 7 sen sahaja - waran. Kita tidak akan tahu berlakunya akan sebulan lagi, mungkin tinggal 2 sen, kalau tinggal 2 sen saya rasa komisyen lebih tinggi daripada harga waran yang kita beli, pasti.

Apakah kita mampu mempertahankan masalah ini. Kita boleh lihat, itulah saya berharap perlantikan jawatankuasa selia ini sebagaimana sahabat kita katakan tadi, supaya berhati-hati, jangan bila sahaja ditubuhkan jawatankuasa ini, datang memohon, kawan, sahabat lalu berjumpa hari-hari, lebih kurang sahaja lihat kertas cadangan, ambil alih, lepas itu timbul pula masalah, aset seperti kata Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim Ali tadi, aset itu tidak sampai pun hendak cover balik besok, yang hendak pinjam ini bon di luar negara, kita meminjam tentu menggunakan US Dollar, tentu meminjam menggunakan Pound Sterling, tentu menggunakan Marks, kita kena bayar kena pakai US Dollar besok, bagaimana kalau Ringgit naik pula RM6, kita terpaksa membayar lebih, tetapi kita memohon kepada Allah S.W.T. dengan pinjaman yang

dianggarkan lebih kurang US\$1 bersamaan RM4 duit kita, mudah-mudahan semasa kita membayar bon ini besok ke tahap RM2.50 ataupun RM3, jadi di situ ada ruang susutan daripada nilai-nilai US Dollar.

Tetapi walau bagaimanapun, kita menyokong pihak Kementerian Kewangan mewujudkan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini supaya dapat memulihkan balik ekonomi negara. Kita jangan bimbang, kita dalam keadaan selamat lagi, tetapi walau bagaimanapun, kita berhati-hati, kita lihat sahaja negara-negara sahabat kita dalam ASEAN, bagaimana Thailand, bagaimana juga Indonesia, bermakna kejatuhan mereka amat ketara, pendapatan mereka dianggarkan RM90 sahaja sebulan daripada gaji buruh dan bayangkanlah harga makanan dan harga harian mereka mendadak dengan begitu sekali, kita masih lagi dapat dikawal.

Saya berharap kepada semua ahli Dewan yang ada dalam ini memikirkan sesuatu yang lebih baik untuk menenangkan keadaan masalah-masalah yang akan dihadapi. Kita meletakkan kepercayaan kepada jawatankuasa dan juga Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini menguruskan Danaharta ini dengan sebaik-baik mungkin yang boleh, agar satu hari nanti memberi kenyataan memulihkan ekonomi negara.

Lagi satu, saya ingin memohon kepada jawatankuasa ini mengkaji balik mana bank-bank yang liat hendak memberi orang hutang itu kaji baliklah, jangan rescue mereka ini. Saya lihat dua, tiga bank, malah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pernah menegur bank ini, saya tidak mahu sebut dalam Dewan ini apakah bank yang tersebut, tetapi pernah di dalam jawapan semasa Perhimpunan Agung UMNO yang baru sudah, nama bank itu tertera sekali disebut, tetapi sehingga hari ini bank itu juga menghadapi masalah yang sama, kawan saya dua, tiga orang memohon untuk pinjaman, pinjaman bukan banyak, di bawah RM100,000, ada cagaran, apabila berjumpa dengan pengurus bank tersebut masih lagi dia kata, saya tidak ada kuasa,

kena hantar ke Kuala Lumpur, sebulan lepas sebulan jadi dua bulan, sekarang sudah hendak masuk tiga bulan, bank ini masih lagi belum memberi keputusan sama ada lulus atau tidak lulus pinjaman yang dipohon.

Saya berharap kepada jawatankuasa ini dan Pengurusan Danaharta, bank yang ada dan fiil seperti ini tinggalkan ke tepi dahulu, kalau tidak hendak tarik lesen pun tidak mengapa, ketepikan dia dahulu, mana bank-bank yang mahu mendengar nasihat kerajaan kita utamakan, kita rescue mereka, kita selamatkan mereka tetapi mana-mana yang degil, kira dia sahaja, biarkan. Kita nampak tetapi kita tidak mahu sebutlah dalam Dewan yang mulia ini dan yang mana yang jadi masalah, tak payah sebutlah, nanti besok mereka saman pula kita tetapi dalam Dewan ini orang tidak boleh saman.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri lebih maklum bank yang tersebut dan saya rasa kita perlu awasi juga mereka sama ada yang memiliki bank ini juga ada juga dia menyimpan duit dalam negara atau dia pun membawa duit ke luar negara. Saya percaya duit dia juga tidak ada dalam negara sekarang, yang memiliki majoriti atau memiliki saham yang terbesar dalam bank tersebut sama ada wangnya ada di dalam bank itu ataupun telah terlepas keluar.

Saya takut berlaku seperti di Indonesia, Lippo Bank, Suma Bank yang dikutip deposit-deposit daripada penduduk tempatan dan rakyat sedangkan tauke atau boss dia bawa duit dan letak deposit ke luar negara. Perkara yang menjadi masalah sekarang ialah penyimpan-penyimpan, tauke tetap selamat dia boleh duduk di hotel bertaraf 5 bintang. Gawat, gawat lari dan duduk di Kuala Lumpur atau Singapura. Itulah kerjanya dan kita juga bimbang dalam negara kita. Apakah bankers yang ada dalam negara kita

sekarang ikhlas. Wang mereka masih ada di sini dan saya risau wang-wang mereka juga dibawa ke luar negara. Mana tahu satu hari lebih gawat dan mereka lebih selamat. Apakah ini semangat orang Malaysia yang berkorban demi negara kita sendiri. Biarlah kita hidup atau mati dalam negara kita sendiri. Itu pandangan dan biarlah ada semangat patriotik sedikit walaupun tidak begitu cintakan negara.

Tidak perlulah kita panjang lebar dan biarkan setakat itu. Apa yang penting sekarang saya pun merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Kementerian Kewangan yang membuat Rang Undang-undang ini yang mempunyai 70 Fasal di sini daripada penubuhan hinggalah kepada penutupan syarikat. Tidak dapat diragukan saya rasa Rang Undang-undang ini menepati kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan juga diberi kuasa jika sekiranya berlaku sesuatu dan begitu juga kerajaan akan dipertanggungjawabkan untuk memberi jaminan kepada bon-bon tersebut. Sekali lagi saya mengingatkan kepada Pengurusan Danaharta supaya berhati-hati supaya tulus dan ikhlas kerana bon-bon di luar negara ini ditakdirkan tidak boleh dibayar oleh Danaharta maka rakyatlah yang akan dipertanggungjawabkan untuk membayar bon-bon ini nanti kerana ia dijamin oleh kerajaan. Kerajaan adalah rakyat dan rakyat terpaksa membayar dan cukai terpaksa dikenakan dan yang menanggung beban adalah kita semua. Diharapkan mudah-mudahan Tuhan dapat bersama dengan kita dan memakbulkan apa yang kita rancang pada hari ini. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin.

6.12 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang yang amat penting ini. Sebenarnya saya tidak berhajat untuk hendak bangun berbahas tetapi oleh kerana Rang Undang-undang ini amatlah penting sekali oleh itu macam manapun saya kena juga berucap sungguhpun saya fikir hendak berucap esok supaya saya dapat

persediaan yang lebih lanjut supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat menjawab soalan saya. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua, satu saya tahu masa hendak cepat - kita di Malaysia ini semuanya hendak cepat dan apabila hendak cepat banyak yang ketinggalan. Satunya, saya tengok bill ini - bahasa Malaysianya Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sahaja dan yang lain tidak ada bahasa Melayu. Tidak tahu dan saya cuba mencari dengan Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kalau-kalau ada kerana saya tidak begitu faham dengan bahasa Inggeris. Jadi minta maaf kalau saya salah sebut 'clause' ini yang begitu panjang lebar sebabnya terjemahan boleh jadi tidak begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua, ini disebabkan kita hendak cepat. Apabila kita hendak cepat selalunya banyak menimbulkan masalah. Oleh itu biarlah kita lambat sedikit asalkan apa yang kita buat itu betul. Jadi kalau saya hendak bercakap.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta jalan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:selalu di 'interrupcy' dengan izin, saya rasa susah sedikitlah. Yang Berhormat dari Perlis ini suka sangat hendak mengacau saya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana beri laluan. Saya hendak memperingatkan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki sebenarnya kerajaan memang sediakan dua naskhah - satu dalam bahasa Inggeris dan satu dalam bahasa Malaysia supaya kita benar-benar menjadi Ahli Dewan Negara yang begitu peka. Itu kita hendak kena tengoklah dan tidak betullah kalau dalam bahasa Inggeris ada dan dalam bahasa Malaysia tidak ada - dua-dua ada.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, inilah satu lagi

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: hendak cepat hantar bill ini saya dapat satu sahaja. Bill yang saya dapat tidak ada dalam bahasa Malaysia kalau ada saya tidak akan sebut....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*].

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: ...ha, ini seorang lagi.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*].

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak 'interrupcy' seperti mana Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki katakan tadi. Saya hairan dia kata dia tidak faham bahasa Inggeris macam mana dia lulus undang-undang dari Australia? [*Ketawa*] Dia lulus undang-undang bukan daripada Universiti Malaya tetapi dari Australia. Saya pun tidak faham macam mana dia tidak faham bahasa Inggeris.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini pun salah - dia kata dari Australia. Saya bukan ambil undang-undang dari Australia. Saya hendak ambil daripada 'Inn-of-court'. Jadi 'Inn-of-court' ini saya tidak berapa

Tuan Yang di-Pertua: Di mana ada

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: ...saya selalu terjemah ke bahasa Melayu dan daripada bahasa Melayu ke bahasa Inggeris oleh sahabat saya.

Seorang Ahli: [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua: 'Inn-of-court' ini di mana?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua sama sahaja hendak tanya. Tuan Yang di-Pertua pun masuk sama 'Inn-of-court' juga.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*].

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berseloroh apabila saya kata saya dapat bill dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak dalam bahasa Malaysia. Oleh itu saya minta maaf dan itu boleh jadi kesilapan saya yang tidak meminta kepada yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, bill ini kita hendak mengumpulkan wang sejumlah RM25 bilion. RM25 bilion mengapa terlalu banyak jadinya RM25 bilion ini? Mengapa Non Performing Loan (NPL) ini sampai RM25 bilion baru disedar oleh kerajaan dan Bank Negara. Adakah kita lemah dari segi pengurusan kita dan dari segi kita menyelia bank-bank ini. Saya hendak tanya bank mana yang banyak sekali mewujudkan NPL ini. Mengapa bank-bank asing, minta maaf - Chartered Bank, Hong Kong Bank, Chest Manhattan Bank, Citi Bank dan Bangkok Bank. Bank-bank ini saya rasa tidak ada masalah. Sebab apa mereka tidak ada masalah kemungkinan pengurusan mereka bagus. Kemungkinan mereka lagi bijak daripada pengurusan bank-bank kita. Minta maaf saya hendak cakap secara terus terang hari ini. Bank-bank saudagar asing apabila kita menyimpan duit dengan bank itu interest, dengan izin 'bunganya' 5% sahaja dahulu pada hal 5½%. Bank-bank tempatan 7%, 8%.

Jadi kebanyakan orang menyimpan duit di dalam bank-bank tempatan sebab bunganya tinggi. Bank-bank asing ini rendah dan kita tidak mahu menyimpan di bank-bank asing. Jadi risikonya, Tuan Yang di-Pertua, apabila sudah banyak sangat orang menyimpan duit di dalam bank-bank tempatan, Bank Bumiputra, Malayan Banking, Oriental Bank dan banyak lagilah dan tidak perlu saya sebut, bank-bank ini kena menggunakan duit ini untuk hendak beri pinjam kepada orang ramai kalau tidak bagaimana mereka hendak bayar 7% atau 8% tadi? Bank-bank asing bunganya rendah tidak mahu orang menyimpan duit banyak di situ. Jadi ia tidak menjadi masalah untuk beri pinjaman. Masalah ini saya rasa saya nampak telah lama. Jadi dengan duit yang

begitu banyak siapa yang hendak datang pinjam - datang. Dengan sekuriti yang tidak munasabahpun datang, dengan paya yang ada di Kelantan apabila dinilai mengatakan paya ini adalah bukannya paya. Ini adalah sebidang tanah hampir dengan bandar. Harganya kalau dinilai ialah RM100,000.

Apabila di'foreclose' dengan izin, sebab tidak dapat bayar tadi didapati tanah ini adalah RM5 ribu sahaja, rupanya tanah paya. Seperti mana yang dinyatakan oleh saudara saya tadi. ini adalah satu konsep penilaian yang tidak betul, yang tidak berterusan, yang tidak ada telusan. Oleh itu saya suka mengingatkan kepada pihak kerajaan bahawa yang penting sekali dalam Pengurusan Danaharta Nasional Berhad ini, adalah dari segi orang yang bertanggungjawab di dalamnya - pengurusannya. Yang penting sekali penilaian mesti dibuat dengan berpatutan dan betul. Janganlah pula penilaian itu dibuat dengan misalnya dia berhutang daripada bank RM50 juta. Penilaian pula tidak dapat dibuat RM70 juta yang sebenarnya harta itu bernilai RM30 juta. Ini akan berlaku kalau kita tidak ada keikhlasan dan ketelusan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Selia ini tadi amatlah penting sekali berapa Jawatankuasa Selia yang hendak diadakan. Sebabnya NPL ini saya tidak tahu berapa, boleh jadi 1000 non-performing loan (NPL) yang meminjam. Berapa Jawatankuasa Selia yang hendak kita adakan. Adakah ini nak adakan 5 orang sahaja, 10 orang sahaja?. Saya rasa RM25 bilion kalau duit ini diagih-agihkan kepada NPL yang banyak pinjam daripada bank-bank ini sudah tentu kita berkehendakkan banyak lagi Jawatankuasa Selia, ataupun saya tidak tahu, boleh jadi RM25 bilion ini dipinjam oleh satu, dua bank sahaja, oleh satu, dua buah kompeni yang gergasi, yang dapat duit pinjaman yang begitu senang daripada pihak bank.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu tanggungjawab Jawatankuasa Selia amat penting sekali. Jadi dengan itu saya nak tanya berapa NPL yang diambil alih ini. Berapa semuanya, 10, 20 ke, sebabnya pada masa sekarang pihak kerajaan mesti tahu berapa

NPL yang ada, kalau belum tahu lagi, yang dah kata dalam 'nazak' itu atau yang sakit tak tahu, jadi RM25 bilion tidak boleh kita jumlahkan sebanyak itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tahu berapa? Walaupun tadi telah pun diberitahu, ditanya oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim dan juga Dato' Abdul Aziz.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, mengapa apabila kita nak meminjam, nak mengeluarkan bon nak pinjam duit daripada negara-negara lain timbul tadi masalah ranting, dengan izin, penilaian oleh Standard and Poor dan juga Moody's, mengapa bila tiba pada masa kita nak meminjam itu, ini satu agenda atau satu muslihat, di mana kerajaan patut tahu mengapa perkara itu berlaku. Mengapa tidak dibangkitkan 5 bulan sebelum ini? Jadi oleh itu susahlah kita nak jual bon kita. Sebabnya nilai bon itu di kaca mata dunia telah pun jatuh. Tetapi sebaliknya tidakkah pihak kerajaan memikirkan untuk meminjam duit melalui bon ke negara-negara Saudi misalnya, kalau saya sebut Libya boleh jadi tidak tak patut pula. Jadi negara-negara selain dari Amerika, selain dari England ialah negara dari Timur semuanya ada masalah belaka. Jadi yang kaya-raya sedikit adalah negara Eropah, Amerika, England, Saudi termasuk negara-negara Timur Tengah. Tapi saya tidak ternampak bahawa kerajaan memikirkan untuk pergi ke negara Timur Tengah untuk meminjam duit dengan cara bon kita.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya selepas Pengurusan Danaharta ini mengambil alih tanggungjawab NPL ini apakah tugas bank-bank yang ada sekarang ini. Adakah mereka ini untuk diberi pinjaman lagi semua tetapi kepada saya setakat ini tidak ada bank yang mudah nak bagi pinjaman, yang saya dapat tahu hanyalah pinjaman untuk beli kereta sahaja. Iaitu boleh pinjam setakat 75% dengan 8% barang kali dia punya bunga, selain daripada itu saya tidak dengar bank meminjam untuk beli rumah jauh sekali sekarang ini. Untuk nak beli kereta jauh sekalilah melalui bank sekarang ini. Barangkali melalui finance company yang boleh. Jadi apa tanggungjawab dan tugas bank-bank selepas NPL ini diambil alih oleh Pengurusan Danaharta dan berapa bank lagi yang nak dicantumkan, berapa bank yang telah

dicantumkan dan berapa bank yang akan dicantumkan. Adakah kerajaan berhajat mengadakan tiga bank sahaja di Malaysia ini, iaitu bank yang terbesar digabung dengan bank yang kecil, bank yang kecil digabung dengan bank yang besar, yang besar bergabung dengan yang lebih besar lagi supaya tidak banyak sangat bank di negara kita. Sebab di negara-negara lain bank tidak banyak. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, RM209 juta yang modal awal ini, sudahkah Danaharta mendapat duit ini dan dari manakah duit ini dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya berapa banyakkah pihak Petronas akan meminjam kepada Danaharta sebab baru-baru ini dia nak beli bon dia kata pihak Petronas boleh membantu. Saya ingat nak bantu semua RM25 bilion ini. Adakah RM10 bilion, RM5 bilion kalau nak bantu, bantu cepat-cepat sekarang ini. Terus keluarkan duit jangan cakap sahaja. Sebabnya kalau dah keluar RM5 bilion ada lagi macam Datuk Haji Ibrahim pun tak ada duit, saya pun tak ada duit kalau keluar bon itu saya cuba juga beli, biar bon ni kita jual di tempat kita dulu ini, di negara kita juga, kita tengok berapa rakyat Malaysia akan membeli bon itu tapi bagi jaminan, iaitu Kerajaan Barisan Nasional akan bagi jaminan bahawa lima tahun lagi bon ini akan dibayar dengan bunga sekian-sekian banyak. Kalau beri pengiktirafan begitu, beri jaminan itu saya rasa tentu ramai rakyat kita akan membeli bon tak payah kita jual kepada Amerika Treasury dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya harap sama-samalah Jawatankuasa Selia bila bersidang esok, saya minta mereka berdoa, baca Fatihah dan sebagainya supaya ingat bahawa apa jua

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, Jawatankuasa Selia ini satu, Jawatankuasa Selia ini akan menubuhkan pentadbir khas bagi satu non-performing loan apabila ia diambil alih ada jawatankuasa khas untuk mentadbir sehingga dijual dan sebagainya. Jadi menentukan keputusan itu telus, tidak ada penyelewengan dibuat dengan tanggungjawab dan profesional tapi maklumlah sebagai manusia, akhir sekali kalau

ada penyelewengan, selalunya kalau ada penyelewengan maka lapor kepada BPR. Dalam akta ini tidak ada penalty, tidak ada hukuman. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya cadangkan supaya kerajaan memikirkan ada peraturan supaya biar lebih jelas, bagi satu-satu pengurusan termasuk Danaharta ini adalah hukuman mandatori. Hukuman mandatori ini maknanya kalau dapati menyeleweng yang melibatkan harta ratus-ratus juta, tidak sikit, yang ini besar masalahnya, jadi ada hukuman mandatori maknanya tidak adalah fesyen, ada kes-kes sekarang ini di mana ada kesalahan seperti dulu kalau kita tengok Union Paper contoh ada insider trading saya baru ingat, seorang tokoh korporat kena tahan, pergi bicara, akhir sekali bayar denda RM500 ribu, tak ada benda, RM500 ribu, menyelewengnya beratus ribu, mungkin berpuluh juta, siapa pun boleh menyeleweng sebab dendanya RM500 ribu. RM10 juta dia boleh bayar lagi. Kalau sudah menyeleweng RM2 ratus juta, RM3 ratus juta contohnya. Saya tidak tuduh mana-mana pihak, tapi ada mandatori maknanya jel mesti wajib lima tahun, seumpama itu maka mandatori hukuman gantung, 39(b) dadah supaya orang takut nak menyeleweng. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita ini ada undang-undang yang tertentu. Tiap-tiap penyelewengan yang dibuat ada undang-undangnya, di bawah undang-undang CBT, di bawah BPR tapi kalau kita adakan mandatori itu bagus, saya rasa nanti saya takut tak ada nak jadi ahli dalam Jawatankuasa Selia nanti. Sebab dia dengar mandatori itu takut, sedangkan dalam kapal terbang bila nak sampai tanah air kita “Siapa Yang Didapati Membawa Dadah Akan Dihukum Mandatori Gantung” jadi kalau saya duduk dalam kapal terbang daripada negara lain pun saya takut nak datang ke Malaysia ini. Janganlah sebut mandatori ‘gantung’ terus, jikalau sabit kesalahan itu didapati ia bersalah membawa ganja sekian-sekian banyak dan dia akan dihukum gantung mandatori misalannya, macam itu.. saya mendengar pun takut, kadang-kadang nak tengok beg jika ada terbawa orang masukkan ke dalamnya. Ini cara tidak betul, minta maafah Tuan Yang di-Pertua, saya bawa pasal kapal terbang MAS tadi.

Jadi dengan berkenaan ini, memang bagus kalau ada satu undang-undang, sesiapa yang jadi Jawatankuasa Selia ini, apabila didapati salah akan dihukum sekian-sekian. Tapi kita masa pun tak ada nak buat undang-undang ini dengan cepat tapi sungguhpun cepat kerajaan telah pun meneliti dengan begitu teliti dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi. Saya ucapkan tahniah pada kerajaan kita ini dan Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut berkenaan dengan,....

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat masa sudah cukup, boleh sambung esok.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguh pada pukul 6.30.

